

Bil. 1

Rabu
27 Julai 2022



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KHAS**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
USUL MENTERI DALAM NEGERI:	
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012	(Halaman 2)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad (Dilantik)
3. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
5. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
6. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
7. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
8. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
9. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
10. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
11. “ Dato' Haji Ahmad bin Yahaya (Kedah)
12. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
13. “ Tuan Aknan a/l Ehtook (Dilantik)
14. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah (Dilantik)
15. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
16. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
17. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan (Dilantik)
18. “ Datuk Bobbey Ahfang Bin Suan (Sabah)
19. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fathmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
21. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
22. “ Dato' Isa bin Ab Hamid (Dilantik)
23. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
24. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
25. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
26. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
27. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
28. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
29. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
30. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

31. Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu (Dilantik)
32. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)
33. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)
34. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
35. “ Dato’ Nelson a/l Renganathan (Dilantik)
36. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
37. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
38. “ Dato’ Wira Othman bin Aziz (Kedah)
39. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
40. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)
41. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
42. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
43. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
44. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
45. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak)
46. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
47. “ Dato Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

AHLI HADIR (samb/-)

48. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)
49. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik)
2. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
3. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
4. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
5. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan)
6. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak)

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu (Dilantik)
2. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
3. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik / Wilayah Persekutuan Putrajaya)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Menteri Perpaduan Negara] (Kota Tinggi)
3. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamaed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I]
4. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara
Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Halijah binti Mat Sin
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Muhamad Fazal bin Mahat
Nor Aizafasya binti Zainal
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Muhammad Firdaus bin Ahmad
Azmir bin Mohd Salleh	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Maryam binti Azinuddin
Nor Kamsiah binti Asmad	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Aifarina binti Azaman	Nurul Syakirah binti Ibrahim
Noorfazilah binti Talib	Suhaila binti Sariffuddin
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Siti Fatimah Nurain binti Mohamad
Julia binti Mohd. Johari	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Ismalinda binti Ismail	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Hazliana binti Yahaya	Nur Azmina binti Jamaluddin
Amir Arshad bin Ab Samad	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Anisah Sahirah binti Hamzah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KHAS
Rabu, 27 Julai 2022
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bagi faedah orang ramai adalah mustahak bagi Majlis mengadakan satu Mesyuarat Khas sebelum tarikh mesyuarat akan datang yang ditetapkan mengikut Peraturan Mesyuarat 10(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Mesyuarat Khas ini adalah untuk mempertimbangkan bagi pihak Majlis memutuskan Usul lanjutan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 selama lima tahun mulai dari 31 Julai 2022.

Sungguhpun begitu, saya dapati ada sedikit kejanggalan berikutan di Dewan Rakyat, Usul ini dibentangkan pada sesi yang telah ditetapkan. Akan tetapi di Dewan Negara ini memerlukan satu Mesyuarat Khas.

Sehubungan itu, wajar dirakamkan penentuan bahawa buat masa-masa akan datang, Dewan Negara hendaklah dimaklumkan dan diruangkan cukup masa Notis, supaya Dewan ini tidak dianggap hanya sebagai pelengkap kepada hajat atau matlamat.

Sementara itu, setiap anggota tentu sekali perlu meneliti setiap peruntukan atau hujah yang berkaitan dengan permohonan menyambung kuat kuasa undang-undang ini. Justeru, dengan tempoh yang terhad itu, anggota-anggota kita di Dewan Negara mungkin tidak mempunyai cukup data serta maklumat untuk berbahas. Namun sedemikian, gunakanlah kebolehan yang khusus dan teruskanlah tanggungjawab yang ada dalam Dewan yang mulia ini.

Setiausaha.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.06 pg.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputus dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah dipersetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENTERI DALAM NEGERI

AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012

10.07 pagi.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat suatu ketetapan menurut Subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya Subseksyen 4(5), Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima (5) tahun lagi mulai dari 31 Julai 2022.”

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA, Akta 747 merupakan suatu akta yang digubal khusus untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam, keselamatan dan perkara-perkara yang berkait dengannya.

Kesalahan-kesalahan keselamatan khusus yang boleh diambil tindakan di bawah akta ini adalah seperti berikut:

- (i) Bab VI - Kesalahan Terhadap Negara, Kanun Keseksaan [Akta 574];
- (ii) Bab VIA - Kesalahan Berhubungan Dengan Keganasan Kanun Keseksaan;
- (iii) Bab VIB - Jenayah Terancang, Kanun Keseksaan;
- (iv) Bahagian IIIA - Penyeludupan Migran, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]; dan
- (v) Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta 770].

■1010

Tuan Yang di-Pertua, Subseksyen 4(5) menyatakan bahawa orang-orang yang ditangkap dan ditahan mengikut Subseksyen 4(4) boleh bagi tujuan siasatan dilanjutkan penahanannya untuk tempoh sehingga 28 hari oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya penguasa polis. Semasa akta ini digubal tempoh kuat kuasa Subseksyen 4(5) ini dihadkan kepada lima tahun sahaja bagi mewujudkan elemen semak dan imbang atau *check and balance*, dengan izin, dalam penguatkuasaannya itu.

Walau bagaimanapun, tempoh kuat kuasa peruntukan subseksyen 4(5) boleh disemak dan dilanjutkan sebagaimana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen 4(11) akta, melalui suatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

Semakan kali pertama ke atas Subseksyen 4(5) ini dibuat dan diluluskan melalui Usul oleh kedua-dua Majlis Parlimen adalah pada 4 April 2017 di Dewan Rakyat, dan pada 27 April 2017 di Dewan Negara. Tarikh pelanjutan kuat kuasa Subseksyen 4(5) untuk kali pertama bagi tempoh lima tahun iaitu mulai 31 Julai 2017 hingga 31 Julai 2022. Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Pada 23 Mac 2022, Usul untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Subseksyen 4(5) ini telah ditolak oleh Dewan Rakyat. *Alhamdulillah*, kementerian ini telah berjaya meyakinkan semula Dewan Rakyat untuk membatalkan keputusan tersebut pada 20 Julai 2022 dan pada 26 Julai 2022, Dewan Rakyat telah meluluskan Usul Pelanjutan Semula Subseksyen 4(5), SOSMA.

Saya yakin dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Senator, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, yang sentiasa peka kepada masalah keselamatan negara, ia akan turut bersetuju untuk meluluskan usul pelanjutan ini, *insya-Allah*.

Subseksyen 4(5) perlu dilanjutkan bagi menangani ancaman terhadap kedaulatan negara, keselamatan, dan ketenteraman awam. Peruntukan Subseksyen 4(5) akta ini memberi ruang masa yang cukup kepada pihak polis bagi melengkapkan siasatan.

Hal ini kerana siasatan kes-kes yang melibatkan kesalahan keselamatan terutamanya jenayah keganasan dan jenayah terancam adalah rumit dan kompleks serta memerlukan masa untuk dilengkapkan, terutamanya bagi mendapatkan keterangan daripada orang yang ditahan semasa pengumpulan bukti-bukti berkaitan bagi tujuan pendakwaan, termasuklah pengesanan rakan-rakan sejenayah yang masih bebas.

Selain itu di bawah Subseksyen 4(3), dinyatakan dengan sejelas-jelasnya iaitu, *"Tiada seorang pun yang boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya."* Namun, ini tidak bermakna seseorang ahli politik itu kebal daripada siasatan di bawah SOSMA. Sekiranya Ahli Yang Berhormat termasuklah diri saya sendiri atau sesiapa sahaja melakukan kesalahan keselamatan, maka tindakan tetap boleh diambil di bawah SOSMA.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Usul ini dibentangkan di Dewan Rakyat, isu berkaitan hak individu sering dibangkitkan. Perlu ditegaskan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan membolehkan kerajaan menggubal undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dan sebagainya. Walaupun undang-undang itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Perkara 5- kebebasan diri, atau Perkara 9, iaitu larangan buang negeri dan kebebasan bergerak, atau Perkara 10- kebebasan berhimpun, bercakap dan menubuhkan persatuan; serta Perkara 13- hak terhadap harta, walaupun begitu, SOSMA tetap menyediakan peruntukan-peruntukan yang menghormati hak individu seperti di Seksyen 5 yang membenarkan orang yang ditahan untuk berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya, dan peluang jaminan sekiranya memenuhi kriteria untuk diberikan jaminan seperti yang dinyatakan di Seksyen 13, SOSMA 2012.

Menyentuh isu tahanan tanpa bicara pula, saya ingin jelaskan SOSMAengehendaki orang yang ditahan perlu dituduh jika bukti mencukupi. Ini dinyatakan dengan sangat jelas dalam Seksyen 12, SOSMA iaitu, *"Semua kesalahan keselamatan hendaklah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi."* Ini jelas kerana banyak dipersoalkan. Saya hendak baca sekali lagi- ia jelas dalam Seksyen 12, SOSMA iaitu *"Semua kesalahan keselamatan hendaklah dibacakan oleh Mahkamah Tinggi."*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta memperuntukkan 28 hari untuk melakukan penyiasatan, namun secara realitinya pihak Polis hanya mempunyai tempoh 21 hari sahaja untuk membuat penyiasatan. Hal ini berikutan tujuh hari sebelum tamat tempoh 28 hari tersebut, pihak polis perlu menyerahkan Kertas Siasatan yang telah lengkap ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.

Sekiranya berdasarkan penilaian oleh Jabatan Peguam Negara terdapat bukti-bukti yang menyokong penglibatan seseorang yang ditangkap maka tindakan pendakwaan di mahkamah akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh siasatan tersebut juga pihak polis perlu mengkaji segala maklumat hasil siasatan mahupun mendapatkan maklumat dari agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Tempoh ini amat kritikal di mana agensi yang dirujuk tersebut perlu membekalkan maklumat yang diperlukan oleh pihak Polis dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum tamatnya 21 hari seperti yang saya sebutkan tadi.

Tambahan pula, tangkapan yang melibatkan kesalahan-kesalahan seperti penyeludupan migran dan keganasan yang memerlukan kerja-kerja penyiasatan yang lebih mendalam dan terperinci, sekali gus menjadi lebih rumit berikutan golongan itu mempunyai rangkaian luar negara serta ideologi yang tersendiri. Kes merentasi sempadan ini memerlukan bantuan dari negara luar bagi tujuan pengumpulan maklumat dan permohonan ini memerlukan masa yang lama. Tempoh 28 hari ini juga sangat penting kerana pihak PDRM memerlukan masa terutamanya bagi meyakinkan saksi-saksi untuk memberikan pernyataan mereka.

Seksyen 14, dan 16, SOSMA mengenai saksi yang dilindungi dan merupakan peruntukan mengenai kaedah khas untuk saksi memberi keterangan. Walau bagaimanapun, ia amat sukar dan memakan masa untuk meyakinkan saksi kerana ia melibatkan keselamatan saksi dan ahli keluarga.

■1020

Saya ingin jelaskan bahawa, inilah perkara-perkara yang boleh menyebabkan 21 hari itu tidak mencukupi dalam mana kita hendak melakukan penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat pandangan yang memohon PDRM menggunakan peruntukan reman dalam Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

Sayugia diingatkan bahawa, proses siasatan kesalahan SOSMA mengikut KTJ adalah tidak sesuai, dan akan berhadapan dengan pelbagai kekangan.

Oleh itu, ia tidak menepati tujuan Subseksyen 4(5) ini untuk diadakan iaitu untuk memelihara kerahsiaan operasi dan siasatan pihak Polis terutamanya bagi siasatan yang melibatkan kumpulan yang besar, dan ahli yang ramai sekiranya Seksyen 117 KTJ diguna pakai.

Kebarangkalian untuk orang tahanan berkomunikasi dengan tahanan lain juga sangat tinggi, dan ia boleh mengganggu proses siasatan termasuk rantai bukti dan usaha pihak PDRM untuk menahan suspek-suspek lain yang masih bebas serta wujud risiko ancaman keselamatan kepada saksi kes.

Selain itu, penggunaan Seksyen 117 KTJ adalah terhad kepada pelaku utama sesuatu kes menjadikan ia sukar dalam pelaksanaan bagi kesalahan-kesalahan yang diperincikan dalam Jadual Pertama SOSMA.

Siasatan SOSMA turut melibatkan individu yang mempunyai pengaruh, kuasa atau material dalam sesuatu kesalahan keselamatan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh selepas Usul Pelanjutan Tempoh Kuatkuasa ini tidak diluluskan pada 23 Mac 2022 di Dewan Rakyat, sehingga Usul dipertimbangkan semula, kejadian jenayah terancang terus berlaku.

Sebagai contoh kejadian tembakan di Sungai Petani, yang mana si mati adalah orang yang dikehendaki pihak PDRM kerana disyaki terlibat dalam jenayah terancang dan dadah. Selain itu, seorang lelaki yang juga merupakan saksi kes bunuh telah ditetak sampai mati di Klang. Ini adalah sebahagian daripada contoh-contoh kes yang mana penjenayah-penjenayah di luar 'negara' masih bebas dan tanpa rasa gentar terus melakukan jenayah.

Saya minta maaf, bermakna penjenayah-penjenayah di luar sana bukan di luar 'negara', yang ada di luar sana, masih bebas dan tanpa rasa gentar terus melakukan jenayah.

Kita tidak perlu membuat perbandingan antara kesalahan keselamatan ISA 1960 dan SOSMA 2012. Saya terpaksa mengambil kira hal ini kerana banyak perbezaan dan perkara-perkara yang digubal untuk membuktikan SOSMA merupakan satu akta yang memberi peluang dan hak yang cukup untuk orang tahanan dari sudut undang-undang.

Jika kita ingin berhujah mengenai konsep keadilan, seperti yang saya tegaskan, akta ini juga memberikan keadilan buat orang yang ditahan seperti peluang untuk berjumpa peguam dan kes-kes kesalahan keselamatan ini juga akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Perlu diingat, keadilan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, dan keselamatan negara serta rakyat secara keseluruhan merupakan sesuatu yang perlu diberikan keutamaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tidak boleh berkompromi dengan anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara, dan tugas pihak PDRM serta semua agensi keselamatan di negara adalah bagi memastikan negara ini aman dan selamat untuk didiami. Untuk kita pada hari ini, dan demi generasi masa hadapan, saya memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong dan meluluskan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta ampun dan minta maaf kerana kita terpaksa memanggil semua Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan Sidang Khas ini kerana tempohnya akan tamat pada 31 Julai 2022, sebab itu kita lakukannya pada hari ini.

Saya minta maaf dan bagi pihak kami, Kementerian Dalam Negeri, kami merasa amat terharu atas kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, untuk menentukan akta ini atau Usul yang saya bawa ini akan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Mesyuarat mengucapkan terima kasih penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri.

Sesiapa yang menyokong?

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi itu hendaklah disetujui nanti. Ahli-ahli yang bersetuju, maka ia akan dinyatakan kemudian, selepas perbahasan yang kita laksanakan.

Sila ambil perhatian bahawa natijah dan juga perkara-perkara penting yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dapat dibahaskan dengan saksama tetapi tidak melupai bahawa masa akan datang, Dewan memohon supaya semua Menteri dan Timbalan Menteri dapat memberi Notis secukupnya kepada Dewan yang mulia ini.

Sampai kita ke perenggan yang mana- Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan kita adalah seperti yang telah diusulkan dan sekarang terbuka kepada perbahasan dan sebagai awalan diberi 10 minit untuk seorang Ahli menyampaikan pandangan dan analisis berkaitan.

Sila. Yang pertama dijemput. Oleh sebab senarainya telah pun diedarkan terlebih dahulu, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

10.27 pg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara sekalian... [Membaca sepotong doa]

Bagi saya meneruskan untuk membicarakan tentang Subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Subseksyen 4(5) yang mana akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai 2022.

Oleh sebab kerajaan berada dalam keadaan tempoh yang terdesak supaya akta ini dapat diteruskan seperti mana biasa, maka saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri kerana membentangkan dan memanggil Sidang Khas Dewan Negara supaya ia dapat teruskan tanpa ada sekatan dan halangan.

Alhamdulillah, suatu akta yang telah diperkenalkan pada zaman penjajah, dengan izin, *Internal Security Act* yang dianggap zalim, dengan izin, *draconian* telah pun dimansuhkan oleh Kerajaan Malaysia. Maka sudah tentu ada jenayah-jenayah yang lain yang tidak dapat diselesaikan secara terang yang mana jenayah yang berlaku secara terlindung. Di antaranya seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi seperti: seperti kesalahan terhadap negara; jenayah terancang; penyeludupan migran; dan menentang keganasan luar negara.

Ini kerana kita tahu, keganasan-keganasan yang berlaku sekarang ini sangat canggih kerana penggunaan ICT yang juga mereka menguasai bukan setakat negara kita bahkan negara-negara yang lebih besar, negara-negara telah lama terdedah kepada ICT juga digodam, dapat dimasuki rangkaian-rangkaian sistem komputer mereka. Maknanya sekarang ini jenayah bukannya berlaku sekitar dan bukan hanya beroperasi, dirancang di dalam negara kita tetapi juga berlaku dan dirancang dari luar negara.

■1030

Sudah tentulah kita memerlukan satu akta yang memberi kuasa, tempoh yang tertentu kepada pihak berkuasa untuk menyoal siasat, kerana kalau tidak ada akta ini memungkinkan dan membolehkan melalui sistem-sistem peralatan yang canggih sekarang ini, pihak-pihak yang terlibat dengan jenayah ini berhubungan di antara satu sama lain, dan menyebabkan pihak kerajaan sukar untuk mencekup, dengan izin, kepala kepada perancang keganasan ini.

Hal ini kerana kita tengok dalam filem-filem yang selalu terdedah dan banyak sangat filem-filem yang dikeluarkan sebegini rupa. Memudahkan belia-belia dan jenayah-jenayah untuk terlibat dengan jenayah yang terancang seperti ini. Sudah barang tentulah kerajaan mesti diberi keperluan, diberi alat, diberi satu ruangan untuk mengekang dan juga menghalang, bahkan cuba menghapuskan keganasan yang terancang ini yang melibatkan pelbagai negara.

Saya rasa ini bukanlah satu akta yang zalim bagi negara kita, kerana ini sahaja yang tinggal di pihak kerajaan. Bahkan negara-negara yang dipuja oleh pihak liberal dalam dunia ini Amerika Syarikat, bagaimana ia menggunakan satu akta tanpa tahanan, tanpa apa-apa bukti dia terus menangkap dan membekukan akaun-akaun. Sudah ramai terlibat, teman-teman saya daripada negara Arab yang mempunyai nilai ratusan juta Amerika tetapi akaun-akaun mereka berada di Amerika.

Mereka tidak dibenarkan masuk Amerika Syarikat, sedangkan akaun mereka berada di Amerika Syarikat ratusan juta tetapi kerana mereka terpaksa menggunakan peguam-peguam dan mereka terpaksa menghabiskan puluhan juta untuk memastikan akaun mereka tidak dibekukan. Ini negara yang menjuarai liberal dunia, yang dipuja-puja oleh kebanyakan ahli-ahli politik negara kita.

Akan tetapi kita hanya hendak menggunakan. Kerajaan telah lama, telah beberapa tahun, telah memansuhkan, menghapuskan ISA. *Alhamdulillah*, tetapi sekarang ini kerajaan hanya meminta 21 hari. Suatu tempoh 21 hari membenarkan Pasukan Polis untuk menyiasat tanpa ada khidmat peguam. Akan tetapi selepas dari tempoh 21 hari, maka mereka dibenarkan untuk mendapat khidmat peguam dan sekiranya kerajaan mempunyai bukti maka kerajaan boleh mendakwa mereka di Mahkamah Tinggi.

Alhamdulillah hari ini, kita duduk bukan kita memaksa. Kita berdasarkan kepada firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, dan bermesyuaratlah di kalangan kamu. Ini yang kita buat.

Alhamdulillah. Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak sahabat-sahabat kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat kerana telah berjaya meluluskan untuk meneruskan akta ini, yakni Akta 747, SOSMA ini. *Alhamdulillah*, terima kasih. Walaupun mungkin kemenangan- yang tidak kemenangan mutlak, tetapi majoriti yang memadai. Walaupun masih ada yang tidak bersetuju, *alhamdulillah* mereka juga turut serta. Mereka dibenarkan memberikan pandangan, dan *alhamdulillah* keputusan majoriti merupakan keputusan yang patut, dan hendaklah kita mengikutinya.

Seperti mana firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, sesudah kamu berbincang, kamu sudah berusaha, kamu sudah berikhtiar maka hendaklah kamu pegang, pakai, terima keputusan tersebut. Jangan lagi bising di luar kerana kita telah bermesyuarat, Dewan tertinggi. Dewan Rakyat selepas Dewan Rakyat, Dewan Negara, ini Dewan tertinggi.

Maka saya rasa, kita dalam Ahli-ahli Dewan Negara itu, berilah peluang kepada kerajaan meneruskan dan kita tengok. Dalam tempoh lima tahun lagi kalau mereka benar-benar menyalahgunakan, kita gunakan medium kita, forum kita dalam Dewan ini. Sama ada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara untuk membangkitkan kembali kenapa kerajaan mungkir janji. Kenapa kerajaan cakap lain, buat lain?

Maknanya kita tengok dalam tempoh, adakah kerajaan menggunakan akta ini, Akta 747 untuk mengekang ahli-ahli politik yang tidak sebulu dengan mereka, kita tengok. Akan tetapi saya fikir, *insya-Allah* kerajaan tidak akan menggunakan melainkan ahli-ahli politik tersebut ada bukti telah menggunakan, dengan izin, kabel ataupun jalinan, hubungan untuk meminta pertolongan daripada negara-negara konon-kononnya menyokong pemikiran mereka yang liberal.

Malaysia tidak boleh begitu kerana kita sudah ada asas. Kita sudah bersetuju bahawa agama Persekutuan agama Islam. Bila ada agama Islam maka kita mesti menghormati. Kita ada hal-hal yang dibolehkan, ada hal-hal yang tidak dibolehkan. Kita tidak boleh memansuhkan satu persetujuan yang telah dicapai semasa memberikan kemerdekaan. Menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan.

Maka kita tidak boleh, sebagai sebuah negara, mutlak liberalnya, mana ada. Tidak mungkin berlaku. Manusia ini mesti dipantau, dibimbing, diberi kebebasan. Sebagaimana dalam Perlembagaan Persekutuan, kebebasan untuk bercakap, kebebasan untuk berpersatuan, untuk berhimpun tetapi kebebasan itu ada hak. Hal ini kerana kebebasan itu menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya.

Misal kata contoh di sini, orang merokok. Dia kata beri kebebasan kepada kami untuk merokok. Beri kebebasan kepada kami untuk menghisap *vape* tetapi dia tidak tahu asap sekunder itu lebih bahaya daripada asap primer. Asap mereka hisap itu tidak bahaya berbanding dengan asap yang keluar selepas itu. Jadi kebebasan untuk mereka merokok ya, tetapi tidak ada kebebasan kepada mereka yang sekeliling kamu.

Itu kebebasan berbeza antara satu pihak dengan satu pihak yang lain. Oleh sebab itu, dalam kes ini tidak adil bagi kerajaan. Tidak ada instrumen untuk mengadakan satu siasatan yang terperinci kerana ada suara-suara yang meminta supaya pasukan polis ditambah. Saya fikir ini satu hujah yang tidak mengambil kira faktor ekonomi. Kita sekarang ini sudah 110 ribu ke-120 ribu orang di bawah Polis Diraja Malaysia. Kita hendak tambah sampai bila? Macam-macam jenayah yang berlaku. Saya fikir angka itu angka yang sudah memadai.

Cuma sekarang ini kita beri instrumen-instrumen kepada kerajaan untuk membolehkan mereka mengambil tindakan-tindakan sesuai supaya ketenteraman awam dapat diperoleh dan masyarakat percaya bahawa ketenteraman itu dapat diperoleh. Umpama sekarang, kita jangan berbohong pada diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan berbohong pada diri kita. Sekarang ini gengster, kumpulan-kumpulan gengster, saya pernah merasai. Kita ada duit sikit sahaja, kita ada buat projek mana-mana tempat, sudah ada. Sudah ada kawasan ini, ini gengster ia, kawasan ini, ini gengster ia dan saya fikir Anggota Polis tahu ini kerana Polis Malaysia antara yang terbaik dalam dunia daripada segi informasi.

Informasi Polis Malaysia memang *tip top*, dengan izin, tetapi gengster di mana-mana tempat masih berleluasa. Ini pengalaman peribadi, bukan saya seorang, ramai lagi, kalau kita terlibat dengan perniagaan. Mesin-mesin kita bila-bila masa rosak. Kita hendak masuk tidak boleh masuk kerana sudah ada, dengan izin, *territory* mereka.

Inilah antara elemen yang cuba dihapuskan atau dikurangkan oleh kerajaan kerana gengster ini sangat terancang dan mereka, dengan izin, *brilliant*. Kita pernah bertemu dengan kepala-kepala *brilliant*, mereka bukan calang-calang orang. Jadi kalaulah kerajaan, Anggota Polis kita, dengan izin, saya tidak berniat hendak menghina Anggota Polis, *please*, dengan izin...

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu, *please* apa?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: [*Ketawa*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tidak apa. Penjenayah ini dia ada kadang-kadang sarjana, dia ada kelayakan IT yang tinggi. Polis kita ini, kita kena, dengan izin, *equip* ICT lagi. Fasal kebanyakan ini, lepasan SPM dan sebagainya dia punya ICT itu belum canggih lagi.

Jadi kadang-kadang kita tengok penjenayah itu jauh mengatasi dia dalam penggunaan alat-alat ICT ini. Oleh sebab itu, saya rasa kerajaan di samping hendak meneruskan SOSMA ini, perlu memperlengkapkan Anggota Polis kita supaya- walaupun dengan penggunaan *handphone*, tetapi menggunakan *handphone* yang sesuai, supaya dilatih penggunaan *handphone* itu supaya mengetahui, menguasai secara canggih alat-alat tersebut.

Hal ini supaya kalau tidak setara, hampir-hampir setara penjenayah-penjenayah yang hebat berada di luar sana. Hal ini kerana sekarang ini, kita tengok semua filem kebanyakannya menggambarkan betapa hebatnya penjenayah-penjenayah ini. Dia boleh mencuri apa benda- harta-harta kerajaan yang *tip top*.

Kalau pula filem-filem itu dilakonkan oleh, dengan izin, Pierce Brosnan, misal kata. Semua filem dia bagaimana, dia boleh lalu, boleh elak daripada segala undang-undang kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Selesai.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tepat-tepat secanggihnya dia boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua: Selesaikan menghujah.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Oleh sebab itu saya mohon Tuan Yang di-Pertua, supaya sahabat-sahabat semua dengan tenang, penuh tawaduk, marilah kita bersama-sama menyokonglah akta ini supaya ia dapat diluluskan.

Tempoh lima 'hari' ini satu tempoh kepenatan bagi kerajaan hendak menjadikan ia dapat diteruskan penguatkuasaannya. Terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

10.40 pg.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong dengar kalau loceng berbunyi. Kita bertentangan mata.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan negara sentiasa dilindungi dan terus dipelihara daripada sebarang ancaman sama ada ia ancaman dari dalam ataupun dari luar negara. Keselamatan, kesejahteraan, kebajikan dan hak-hak rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan perlu dilindungi dan dijamin oleh kerajaan.

Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) ataupun Akta 747 merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membahaskan satu usul yang amat penting untuk kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Saya telah mendengar dan meneliti perbahasan di Dewan Rakyat yang berlangsung semalam. Keselamatan awam merupakan satu daripada tonggak utama ke arah menjadikan Malaysia negara maju, lebih-lebih lagi dalam suasana rakyat baru merangkak untuk bangkit daripada cabaran pandemik COVID-19.

Kita perlu sedar Akta 747, Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) SOSMA adalah berbeza daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah dimansuhkan oleh kerajaan pada 22 Jun 2012. Prosedur SOSMA lebih ketat, dan tidak boleh digunakan untuk membuat tahanan politik seperti dinyatakan dalam Subseksyen 4(3), yang menyebut, "*Tiada seorang pun yang boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya*".

Kesalahan yang ada dalam Jadual Pertama SOSMA jelas merupakan kesalahan besar yang melibatkan kesalahan keselamatan. Jika Subseksyen 4(5) ini tidak dilanjutkan di Parlimen, pihak polis hanya boleh menggunakan Subseksyen 4(4) iaitu tempoh siasatan selama 24 jam sahaja untuk menyiasat kes jenayah terancang, kes sindiket penyeludupan migran atau kes kumpulan gengster dan keganasan.

Islam sangat menitikberatkan keadilan. Maka, keadilan mesti disegerakan dan tidak boleh dilengahkan. *Justice delayed is justice denied*, dengan izin. Kita memahami adalah mustahil bagi pihak berkuasa untuk melakukan siasatan dan menyelesaikan kes dalam tempoh 24 jam. Tindakan membawa suspek ke mahkamah untuk di reman akan mendedahkan maklumat mengenai penangkapan suspek dan memberi peluang kepada ahli kumpulan yang lain untuk melupuskan bukti dan melarikan diri. Jenayah terancang dan *terrorist* semakin kompleks dan melibatkan rentas sempadan dan juga digital yang memerlukan penyiasatan yang berkualiti dalam tempoh masa yang mencukupi.

Bagi saya, tempoh 28 hari adalah munasabah, melebihi 14 hari daripada kes jenayah biasa Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan 14 hari.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasa'i dan Tarmizi bahawa Nabi SAW telah menahan untuk siasatan seorang lelaki dalam satu kes- tuduhan terhadapnya. Kemudian, selepas tempoh tertentu, Baginda membebaskannya kerana ketiadaan bukti yang jelas.

Oleh itu, adalah penting siasatan yang lengkap dijalankan untuk mengelakkan orang yang tidak bersalah dan tidak terlibat daripada dituduh dan dibicarakan. Manakala hasil siasatan lengkap adalah perlu supaya pertuduhan dan bicara kes mempunyai bukti yang kukuh di pihak pendakwa. Kita juga menyedari lanjutan tempoh kuat kuasa juga perlu dan signifikan bagi siasatan kes-kes yang melibatkan aspek teknikal dan saintifik yang memerlukan masa dan juga ketelitian.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami kebimbangan daripada rakyat. Rakyat juga mungkin masih keliru dan menganggap Akta SOSMA ini sama seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), yang mana tertuduh tidak diberi peluang untuk menghubungi dan melantik peguam dan tidak boleh dibicarakan. Rakyat tertanya-tanya, apakah yang akan terjadi kepada tahanan semasa tempoh tersebut? Adakah jaminan daripada pihak kerajaan bahawa mereka tidak akan didera atau diseksa sepanjang tempoh siasatan?

Rakyat juga keluh-kesah dengan pendatang tanpa izin yang masuk ke negara kita melalui jalan-jalan tikus. Keadaan ini seolah-olah tidak dapat dibendung. Siasatan perlukan kerjasama agensi negara jiran...

Tuan Yang di-Pertua: Jalan tikus itu macam mana, Yang Berhormat? Tikus kah, *highway*?

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Rasanya dua-dua pun boleh *kot*. Keadaan ini seolah-olah tidak dapat dibendung. Siasatan perlukan kerjasama agensi negara jiran dan juga antarabangsa yang perlukan masa.

Saya cuma ingin bertanya, adakah dengan pelanjutan tempoh Subseksyen 4(5) ini mampu menangani masalah penyeludupan migran ini? Sehingga hari ini, jumlah tangkapan dibuat melibatkan penyeludupan migran, dan adakah mereka berjaya didakwa?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia merupakan warga yang prihatin. Sudah banyak kita mendengar dan membaca kisah-kisah duka isteri dan anak-anak tahanan yang meruntun jiwa terutamanya kesan psikologi dan beban kewangan yang terpaksa ditanggung. Kita amat bersimpati kepada mereka.

Saya pohon penjelasan daripada kerajaan, apakah langkah-langkah yang telah dirancang oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan dan kebajikan isteri dan keluarga tahanan? Adakah jaminan daripada kerajaan untuk memberi keadilan kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya menegaskan siasatan adalah penting bagi mendapatkan keadaan menang-menang bagi keselamatan rakyat dan juga keselamatan suspek. Menjaga hak majoriti lebih utama atau aila daripada hak minoriti. Kerajaan perlu berusaha untuk membuat pindaan dan usaha penambahbaikan kepada akta ini.

Dengan itu, saya menyokong usul pelanjutan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), SOSMA 2012 bagi tempoh lima tahun bermula dari 31 Julai 2022. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

10.47 pg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua. Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Surah An-Nahl, ayat ke-90. Firman Allah yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah memerintah agar kita melakukan keadilan dan berbuat kebaikan.*"

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih atas ruang yang diberi kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul pelanjutan tempoh kuat kuasa Subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau lebih dikenali sebagai SOSMA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti perbahasan dalam sidang-sidang yang lalu, selain menekuni aspek yang menjadi pertikaian yang memerlukan ruang penambahbaikan. Ada perkara yang kita seharusnya terima sebagai suatu keperluan mendesak kepada penggubalan akta sebegini bagi melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam. Ada juga perkara yang perlu diperhalusi supaya ia tidak membawa kepada salah guna kuasa yang boleh mendorong kepada ketidakstabilan politik dan sosial negara, dan hilangnya keadilan. Bagi saya, isunya bukan salah tajamnya pisau tetapi siapa yang menggunakan pisau yang tajam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendirian bahawa Subseksyen 4(5) SOSMA ini wajar dilanjutkan berasaskan pada hujah-hujah berikut.

■1050

Pertama, bentuk jenayah yang terangkum. Di dalam Jadual Pertama, SOSMA merupakan jenayah yang berat yang melibatkan kesalahan di bawah beberapa peruntukan Kanun Keseksaan yang melibatkan kesalahan terhadap negara, keanasan, jenayah terancang Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 serta Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara.

Oleh itu, klasifikasi jenayah di bawah Jadual Pertama SOSMA ini, menunjukkan kes-kes yang melibatkan di bawah SOSMA khususnya berkaitan Subseksyen 4(5) memerlukan kepada jumlah hari penyiasatan yang mencukupi sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan saya. Hal ini kerana kes yang ada merupakan jenayah berat dan terancang, bukan kesalahan jenayah biasa.

Oleh sebab itu, kita perlu memahami bahawa pihak PDRM memerlukan masa selama 28 hari secara efektifnya untuk mendapatkan maklumat siasatan secukupnya bagi mendakwa kes tersebut. Perkara ini didorong oleh klasifikasi jenayah berat dan terancang sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hujah saya yang kedua. Malaysia tidak pernah sunyi daripada aktiviti kumpulan jenayah berat dan terancang. Tahun ini pihak PDRM telah berjaya memberkas satu kumpulan jenayah terancang dikenali sebagai "Geng Chandra". Mereka aktif menjalankan aktiviti pengedaran dadah dan penyeludupan senjata api ke negara Indonesia melalui jalan laut dari Batu Feringhi dan juga aktif di sekitar Teluk Bahang. Kumpulan ini juga memiliki senjata api dan bom tangan.

Begitu juga 'Geng 08' GST yang terlibat dalam aktiviti jenayah pengedaran dadah-kerap sebut darah pula, pemerasan aktiviti judi dalam talian yang berjaya diberkas oleh pihak berkuasa baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu kita ada membuat penentuan. Yang Berhormat boleh dibekalkan botol kecil, minum. Akan tetapi botol itu tidak nampak. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: Terima kasih. Jika kita meneliti pendedahan kes-kes tangkapan berprofil tinggi ini mempunyai rangkaian jenayah yang cukup meluas dan berakar dalam negara. Kebanyakan kes yang berlaku melibatkan penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Aktiviti *gangsterism*- jenayah, malah ada kes melibatkan pembunuhan.

Dengan memahami bebanan kes-kes geng kongsi gelap yang sememangnya realiti dalam negara, nescaya tidak akan timbul pertikaian sama ada perlu atau tidak pelanjutan Subseksyen 4(5) tersebut.

Tambahan lagi, kita juga sukar untuk memadamkan tragedi Lahad Datu yang berlaku pada tahun 2013 sehingga menyebabkan perintah berkurung dilaksanakan di Zon Selamat Timur Sabah sehingga ke hari ini. Kesemua ini memberi justifikasi kepada keperluan SOSMA, dan Subseksyen 4(5) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga masih ingat pada tahun 2018. Ketika perubahan kepimpinan negara, ketika itu dengan SOSMA antara akta yang telah dibekukan oleh pihak kerajaan. Pada tahun yang sama menyaksikan pihak PDRM telah melakukan tangkapan sebanyak 57 orang ahli kumpulan jenayah terancang iaitu Geng 360 Kajang Devan yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah, penyeludupan senjata api, pemerasan dan penculikan, malah terlibat dalam siri-siri pembunuhan. Tangkapan ini dilakukan hasil risikan bersepadu daripada pihak PDRM yang memakan masa bertahun-tahun.

Ironinya, hasil tangkapan Geng 360 Kajang Devan ini pada mulanya dituduh di bawah SOSMA, tetapi kemudiannya diubah pertuduhan kepada seksyen 43, Akta Pertubuhan 1966 yang membawa kepada hukuman penjara satu tahun. Ia sangat mengecewakan.

Situasi sebegini melemahkan semangat pihak berkuasa dalam membanteras jenayah berat, malah memberikan berita gembira kepada kumpulan jenayah terancang untuk melakukan aktiviti jenayah kerana tumpulnya hukuman yang diberikan. Marah akan nyamuk, usah dibakar kelambunya. Malangnya kelambu terbakar habis, nyamuk tetap menggigit. Itulah yang berlaku.

Seterusnya hujah saya yang ketiga. Jika kita menilai daripada aspek penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini sebenarnya ia lebih baik berbanding Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Jika sebelum ini tempoh tahanan dari bawah ISA menjangkau sehingga 60 hari, sebaliknya SOSMA diperkenalkan kemudiannya hanya membenarkan penahanan seorang kepada 28 hari seperti mana yang kita bahaskan. Tempoh 28 hari merupakan satu tempoh yang sederhana, tidak begitu lama dan tidak juga begitu singkat untuk siasatan dilakukan oleh pihak berkuasa.

Jika sebelum ini ISA membenarkan penahanan tanpa bicara, SOSMA sebaliknya memerlukan kepada pendakwaan di mahkamah terbuka, maka tempoh tahanan selama 28 hari tersebut diperlukan bagi menjalankan siasatan, menyiapkan kertas siasatan dan melengkapkan pertuduhan yang dibawa. Jika sebelum ini, ISA tidak membenarkan langsung ikat jamin dan rujukan kepada peguam, SOSMA sebaliknya menyediakan klausa yang membenarkan kedua-dua perkara. Ertinya SOSMA jika dibandingkan dengan ISA, lebih baik.

Tambahan lagi, peruntukan Subseksyen 4(5) ini memerlukan kepada perbahasan khusus di kedua-dua Majlis Parlimen setiap lima tahun bagi memastikan kebertanggungjawaban kerajaan terhadap peruntukan tersebut. Oleh itu, langkah yang sedang dilaksanakan ini tidak memungkinan kita menghapuskan peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hujah saya seterusnya adalah jika peruntukan Subseksyen 4(5) ini dihapuskan, jelas ia akan menyukarkan pihak PDRM menjalankan tugas siasatan yang baik. Item-item penting seperti bahan bukti, saksi, kejadian dan sebagainya akan menjadi berisiko tanpa langkah siasatan berhati-hati. Oleh itu, saya sebutkan pada hujah pertama tadi ia bukan kes jenayah biasa, tetapi jenayah berat dan terancang. Oleh itu, segala aspek ini memerlukan kepada penelitian yang tidak boleh dilakukan secara semberono dan terburu-buru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ingatkan, apa yang saya tegaskan iaitu yang utama ia tidak disalahgunakan. Janganlah kita mengulangi sejarah, bagaimana kami di Kedah menyaksikan ISA diperalatkan dan dipergunakan dalam tragedi Memali tahun 1985. Yang Berhormat Menteri, kita harap sejarah itu tidak berulang lagi dalam negara.

Seperkara lagi, saya ingin bertanya, apa langkah kementerian untuk memperkukuhkan kumpulan risikan bagi memantau sebarang ancaman keselamatan negara atau ketenteraman awam.

Kedua, sejauh mana penerimaan teknologi dilakukan bagi meningkatkan keupayaan pasukan risikan PDRM ketika ini?

Perkara ini bagi memastikan langkah penahanan dan siasatan kemudiannya dapat dipertingkatkan. Selain itu saya juga ingin bertanya, ketika ini adakah pihak PDRM telah mempunyai kumpulan petugas khas alternatif bagi menggantikan peranan pasukan tindakan khas anti maksiat, judi, pasukan khas taktikal narkotik dan pasukan khas jenayah terancang yang telah dimansuhkan sebelum ini. Saya berpandangan, kewujudan kumpulan ini sangat berkait rapat dengan SOSMA yang kita sedang bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding

10.59 pg.

Puan Susan Chemerai Anding: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya bangun untuk membahaskan Usul Untuk Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 selama lima tahun lagi mulai 31 Julai 2022 atau dikenali sebagai Usul SOSMA ini.

Subseksyen 4(5) ini memberi tempoh selama 28 hari untuk menahan orang tahanan untuk maksud siasatan.

■1100

Akta yang dikenali sebagai SOSMA ini diguna pakai khas untuk jenayah yang lebih serius dan jenayah terancang seperti kesalahan terhadap negara, keganasan, penyeludupan migran, penyeludupan dadah dan sebagainya.

Kalau subseksyen ini tidak dilanjutkan dan dibiarkan berkuat kuasa hingga 31 Julai 2022 sahaja, maka ini akan men datangkan banyak keburukan kepada negara, bukan sahaja ia akan menyumbang kepada peningkatan jenayah tetapi juga termasuk ancaman kepada ketenteraman awam, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat umumnya. Oleh sebab semua jenayah yang terlibat merupakan jenayah yang ada impak dan kesan yang mendalam dan serius terhadap masyarakat. Umpamanya, kebelakangan ini kita sering mendengar kes-kes melibatkan penggunaan dadah yang merosakkan rakyat terutamanya golongan belia.

Penyeludupan dadah dan pengedaran dadah, kebanyakan jenayah seperti ini melibatkan sindiket-sindiket yang terancang. Untuk kita berjaya memerangi dadah yang boleh merosakkan anak-anak kita dan masa depan negara, kita amat memerlukan subseksyen SOSMA ini untuk memastikan penjenayah boleh dibawa ke muka pengadilan dan disabit kesalahan dan dimasukkan ke penjara dan diberi hukuman yang setimpal. Jenayah seperti ini tidak mudah sampai ke tahap pendakwaan sekiranya menggunakan hanya akta dan undang-undang sedia ada sahaja seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah. Oleh sebab, kes-kes jenayah ini lebih canggih dan lebih teratur.

Jenayah seperti ini memerlukan masa yang lebih panjang untuk umpamanya mengumpul bukti yang kukuh dan melibatkan rantai-rantai yang rentas negara dan mungkin perlu juga melibatkan sistem perundangan negara lain dan merujuk kepada organisasi dan badan keselamatan negara lain untuk rujukan dan sebagainya.

Satu lagi contoh yang sering berlaku ialah jenayah penyeludupan migran yang mengakibatkan keseksaan dan mencabul hak asasi migran. Saya berpendapat tidak cukup kita sekadar ada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran sebab kita perlu memastikan pendakwaan berjaya iaitu bukan sekadar berjaya dituduh tetapi kita kena memastikan juga pihak pendakwa dapat mensabitkan penjenayah tersebut. Kalau kita berjaya mendapat sabitan, ini barulah boleh dikatakan bahawa kita benar-benar dapat memastikan ada pengurangan kadar jenayah pada masa hadapan.

Kalau tempoh tahanan terlalu pendek maka susah hendak mendapat sabitan sebab penjenayah sindiket ini sangat licik dan berselindung di sebalik lapisan nama samaran, identiti-identiti palsu, akaun-akaun palsu dan sebagainya. Untuk berjaya dalam mendakwa dan mensabitkan penjenayah ini tidak mudah. Dalam sistem pendakwaan...

Tuan Yang di-Pertua: Pendakwaan.

Puan Susan Chemerai Anding: Pendakwaan jenayah. Minta maaf. Tahap tinggi pembuktian itu perlu bukti yang melampaui keraguan munasabah ataupun *prove beyond all reasonable doubt*, dengan izin. Standard ia tinggi dan bukan sekadar pada keimbangan kebarangkalian *or on the balance of probabilities*, dengan izin, seperti dalam sistem sivil. Dengan erti kata lain, untuk berjaya dalam pendakwaan kes-kes jenayah, terutamanya jenayah terancang dan melibatkan sindiket-sindiket jenayah, hendaklah ada masa yang lebih munasabah seperti 28 hari untuk menyiasat dan mendapat bukti sebab tahap tinggi bukti, *standard of proof*, dengan izin, yang sangat tinggi.

Kalau tidak ada pelanjutan 28 hari ini sudah pasti tidak begitu menyeluruh penyiasatannya. Ada juga risiko yang amat besar orang tahanan melarikan diri dan selepas melarikan diri, maka besar kemungkinan dia akan berkomunikasi dengan suspek yang lain. Maka, ini akan menjejaskan pendakwaan mereka kelak. Satu lagi jenayah terancang yang bahaya dan mengancam keselamatan negara ialah penyeludupan senjata api. Ini juga melibatkan penjenayah yang ramai dan melibatkan kumpulan yang bergerak di luar dan dalam negara.

Kita juga melihat bahawa walaupun jenayah-jenayah seperti pengedaran dadah dan penggunaan senjata api merupakan jenayah yang dikenakan hukuman mati mandatori. Namun, penjenayah ini tidak takut dan berani mengambil risiko ditangkap dan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Dengan erti kata lain, penjenayah kini semakin berani. Ini mungkin disebabkan mereka semakin canggih dan berpengalaman. Mereka juga mempunyai dana dan wang yang banyak, berbilion-bilion, hasil daripada jualan dadah dan senjata api. Mereka tidak takut sebab pulangan ia lumayan dan jika undang-undang kita lemah dan tidak memungkinkan pensabitan, maka penjenayah ini akan bertambah berani dan menganggap negara kita sebagai lubuk emas untuk melakukan jenayah mereka.

Sindiket-sindiket ini semakin berani sehingga tidak segan silu. Umpamanya, untuk menggodam sistem kerajaan dan memanipulasikan sistem kuota untuk tujuan penyeludupan migran mengakibatkan kerugian besar kepada kerajaan. Satu lagi aktiviti penjenayah terancang yang juga semakin menjadi-jadi pada masa kini ialah judi atas talian. Kegiatan judi atas talian ini mengakibatkan kemusnahan kepada individu sebab ia menjadi satu ketagihan, sampai ke tahap individu tersebut hilang pekerjaan dan diisytiharkan mufliis. Ia merosakkan juga institusi Keluarga Malaysia dan merupakan ancaman serius kepada kesejahteraan rakyat kita.

Tren jenayah sekarang menunjukkan keadaan yang tidak baik dan membimbangkan seperti jenayah *Macau Scam*, *Love Scam* dan lain-lain yang mengakibatkan kerugian besar kepada mangsa. Tambahan juga, adanya jenayah yang mengeksploitasikan kanak-kanak secara atas talian. Ini semua memerlukan undang-undang jenayah yang lebih tegas dan bersesuaian dan ia juga memerlukan pasukan keselamatan yang lebih canggih daripada segi latihan, kepakaran, peralatan dan sebagainya.

Persoalan saya, adakah kementerian dan agensi-agensi yang menjaga keselamatan negara dan awam mempunyai kekuatan, tahap persediaan dan latihan yang mencukupi untuk mengatasi jenayah seperti ini? Akhir sekali, saya juga percaya ini bukan undang-undang yang zalim untuk diguna terhadap orang politik dan aktiviti politik.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul SOSMA ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali.

Kelima, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

11.08 pg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan Usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk melanjutkan penguatkuasaan Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA selama lima tahun lagi bermula dari 31 Julai 2022.

Izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan membaca petikan surat oleh seorang yang pernah ditahan di bawah akta ini. *“Saya ditahan di bawah SOSMA atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta747] atas tuduhan menyalurkan dana untuk tujuan keganasan sebanyak RM200. Berat untuk saya menerimanya ketika pertuduhan itu dibacakan terhadap saya pada 21 November 2018 di Mahkamah Sepang kerana pada hakikatnya ia hanyalah satu transaksi sedekah atas dasar ihsan kemanusiaan saya kepada seorang kenalan lama saya sewaktu di universiti dahulu.*

■1110

Saya diberitahu bahawa kenalan saya tersebut telah pun diwartakan sebagai pengganas. Maka saya dituduh menyalurkan dana untuk tujuan keganasan walaupun pada hakikatnya bukan itu tujuan saya memberikan sumbangan tersebut. Tidak cukup dengan penderaan secara fizikal, emosi, malahan seksual yang dilakukan oleh pihak Polis dalam tempoh 28 hari siasatan bagi mendapatkan pengakuan. SOSMA turut menafikan hak tahanan untuk diikat jamin.

Setelah melalui pengalaman betapa peritnya satu tahun di penjara, saya tidak sanggup hadapinya untuk tempoh tiga tahun lagi. Maka setelah berbincang dengan peguam saya, saya pilih untuk mengaku bersalah supaya tempoh penjara lebih pendek daripada jangkaan lagi tiga tahun itu.”

Ini merupakan petikan surat daripada Encik Mohd Zulkifli Shafie di dalam penjara pada 29 Oktober 2019, dan segala apa yang diluahkan oleh dia menunjukkan segala apa yang salah dengan Akta SOSMA dan penahanan 28 hari di Subseksyen 4(5), Akta SOSMA.

Minggu lalu, Dewan Rakyat meluluskan usul untuk membatalkan keputusan Dewan Rakyat pada 23 Mac lalu yang menolak Usul Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk lima tahun lagi.

Tindakan kerajaan untuk melanjutkan lagi penguatkuasaan seksyen tersebut jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak mendapatkan maklum balas daripada semua pemegang taruh dan hanya bergantung kepada maklum balas daripada pihak berkuasa. Kerajaan seharusnya mendapat pandangan daripada NGO, *Bar Malaysia* dan juga bekas tahanan tentang penguatkuasaan Seksyen 4(5) tersebut. Malangnya, Kerajaan Barisan Nasional dan Perikatan Nasional langsung tidak mempunyai *political will*, dengan izin, untuk menyemak semula SOSMA apatah lagi memansuhkannya terus.

Dengan Usul untuk melanjutkan penguatkuasaan Seksyen 4(5) SOSMA, kerajaan telah membuktikan bahawa mereka tidak mendukung prinsip *rule of law*, dengan izin, mahupun menghormati hak asasi manusia.

Seksyen 4(5) SOSMA membenarkan penahanan 28 hari seorang suspek kesalahan keselamatan tanpa perlu mendapat apa-apa Perintah Tahanan Reman dari mahkamah. Penahanan 28 hari ini merupakan aspek utama SOSMA yang perlu dimansuhkan dan ditolak kerana melanggar asas keadilan undang-undang yang disalahgunakan. Harus ditekankan bahawa seksyen ini sebenarnya telah diguna pakai untuk memberi tekanan kepada mana-mana individu yang ditahan untuk membuat pengakuan bersalah.

Seperti disebut dalam petikan surat yang saya baca tadi, penderaan secara fizikal, emosi, malahan seksual yang dilakukan oleh pihak polis dalam tempoh 28 hari siasatan bagi mendapatkan pengakuan. Mereka akan akhirnya terpaksa menandatangani pengakuan yang kemudiannya diguna pakai sebagai dokumen Seksyen 18A yang mana ia akan diterima mahkamah tanpa kebolehterimaannya dipersoalkan.

Dalam tempoh tahanan ini, suspek selalunya tidak mempunyai akses kepada peguam. Penahanan suspek melibatkan jenayah atau disyaki terlibat kegiatan keganasan sepatutnya memerlukan penilaian mahkamah bagi mengelakkan salah guna kuasa serta memastikan kawalimbang yang menyeluruh. Semua tahanan perlu dibenarkan ke mahkamah dan mempunyai akses bagi wakil serta nasihat perundangan.

SOSMA merupakan undang-undang yang dikatakan digubal untuk menandatangani kesalahan-kesalahan keselamatan termasuk kesalahan *terrorism*. Akan tetapi ia telah gagal mengimbangi keperluan untuk menangani keganasan dengan hak-hak suspek dan tertuduh yang belum lagi disabitkan dengan apa-apa kesalahan oleh mahkamah. Selain penahanan 28 hari di bawah Seksyen 4(5), SOSMA juga mempunyai peruntukan-peruntukan yang bertentangan dengan kaedah-kaedah pembuktian *rule of evidence*, dengan izin, yang telah menjadi tunggak sistem keadilan jenayah yang sekian lama.

SOSMA juga mempunyai peruntukan-peruntukan yang bertentangan dengan peraturan keterangan dan pembuktian yang termaktub dalam Akta Keterangan. Contohnya, menurut Seksyen 18A SOSMA, "Apa-apa pernyataan oleh seseorang tertuduh sama ada secara lisan atau tertulis kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa hendaklah diterima sebagai keterangan walaupun suatu pengakuan itu ditandatangani di bawah tekanan dan paksaan..." Kebolehterimaan pengakuan ini di mahkamah tidak boleh dicabar kerana peruntukan seksyen 18A.

Di samping itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan lain dalam SOSMA yang berat sebelah seperti penggunaan saksi terlindung yang tidak diketahui identitinya di bawah seksyen 14 SOSMA. Kebolehterimaan semua barang dan dokumen yang disita dalam apa jua keadaan sekalipun di bawah seksyen 20 SOSMA dan lain-lain. Kesan keseluruhan peruntukan-peruntukan ini adalah individu yang dituduh di bawah kesalahan keselamatan dan dibicarakan di bawah SOSMA tidak mendapat perbicaraan yang adil.

Maka tidak mengejutkan jika sebahagian besar individu yang didakwa melakukan kesalahan keselamatan akan mengaku salah. Manakala yang minta untuk dibicarakan selalunya akan berakhir dengan sabitan. Semasa SOSMA digubal dan diluluskan, kerajaan telah memberi jaminan bahawa ia tidak akan digunakan untuk tujuan politik tetapi kerajaan telah memungkirkan jaminan ini apabila digunakan ke atas individu seperti Dato' Seri Paduka Khairuddin Ahmad Hassan, Encik Mathias Chang dan Yang Berhormat Puan Maria Chin Abdullah sebelum ini.

Data yang ternyata Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah Zainuddin menunjukkan hanya 18 peratus atau 678 daripada 3,717 orang individu yang ditahan mengikut SOSMA didakwa di mahkamah. Data ini menimbulkan persoalan sama ada lebih 3,000 orang individu yang tidak didakwa, atau 8.2 peratus dizalimi apabila ditahan tanpa bicara mengikut SOSMA. Adalah jelas bahawa pada natijahnya SOSMA merupakan undang-undang yang tidak adil, arbitrari dan mudah untuk disalah guna. Tidak dinafikan bahawa, ada keperluan untuk undang-undang khusus bagi kes-kes *terrorism*.

Namun demikian, undang-undang tersebut mestilah selari dengan *United Nations Security Council Resolution 2178*, atau 2014 yang menyatakan negara anggota perlu memastikan bahawa sebarang langkah yang diambil untuk menentang keganasan mematuhi semua kewajipan mereka di bawah undang-undang antarabangsa khususnya Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, Undang-undang Pelarian Antarabangsa dan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa yang menekankan penghormatan terhadap hak asasi manusia, kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang adalah saling melengkapi dan saling memperkuat dengan langkah-langkah memerangi keganasan yang berkesan serta merupakan bahagian penting dalam usaha memerangi keganasan yang berjaya dengan mengambil kira kepentingan menghormati kedaulatan undang-undang untuk mencegah dan memerangi keganasan dengan berkesan.

Mengambil perhatian bahawa kegagalan untuk mematuhi perkara ini dan kewajipan antarabangsa yang lain termasuklah di bawah Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan radikalisme dan memupuk rasa lebih daripada hukuman.

Adalah jelas bahawa SOSMA yang digubal tidak selari dengan norma antarabangsa. Tidak ada sesiapa yang menentang usaha untuk membanteras dan melawan *terrorism* atau mana-mana ancaman terhadap keselamatan dalam negeri.

Tidak dinafikan juga bahawa sememangnya ada keperluan untuk undang-undang khas dalam menyiasat dan membanteras ancaman-ancaman terhadap keselamatan dalam negeri tetapi kita perlu undang-undang yang lebih baik.

SOSMA bukan jawapannya, dan melanjutkan seksyen 4(5) bukan jalannya. Dengan keadilan serta kepentingan rakyat Pulau Pinang dan Malaysia, saya menolak usul untuk melanjutkan penguatkuasaan seksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 selama lima tahun lagi bermula dari 31 Julai 2022. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

Sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

■1120

11.20 pg.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana peluang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menteri Dalam Negeri supaya Subseksyen 45, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi, mulai 31 Julai 2022.

Tuan Yang di-Pertua, sejak digubal, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menggunakan segala peruntukan perundangan yang ada di dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA 2012) ini demi melindungi Malaysia daripada ancaman-ancaman keselamatan dan ketenteraman.

Berdasarkan statistik sejak tahun 2016 hingga Januari 2022, seramai 3,717 subjek telah ditahan di bawah akta ini. Daripada jumlah itu, seramai 400 orang ditahan kerana terlibat dengan elemen kumpulan penganas, 321 orang terlibat dengan sindiket penyeludupan manusia; 1,838 orang atas kesalahan pemerdagangan manusia dan 1,030 orang terlibat dengan jenayah terancang. Daripada keseluruhan permohonan ini, seramai 126 orang telah dituduh di bawah kesalahan kegunaan, manakala seramai 552 orang dituduh di bawah kesalahan penyeludupan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, statistik ini membuktikan akta ini relevan dan amat diperlukan bagi membanteras kegiatan yang mengancam keselamatan negara. SOSMA amat diperlukan dan penting digunakan sebagai prosedur penyiasatan ke atas kes-kes jenayah berat dan berprofil tinggi, contohnya seperti kes serangan yang dilancarkan oleh Jamalul Kiram III di Lahad Datu, Sabah dengan niat untuk melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong. Kebanyakan kes SOSMA ialah jenayah yang berat dan besar. Jadi untuk menyiasat sebarang jenayah tersebut, PDRM memerlukan masa yang panjang untuk membuat siasatan dan mengumpul bukti untuk mendapatkan maklumat daripada suspek yang ditahan dan yang disyaki terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu yang amat kita kuarir adalah apabila penjenayah ini berpeluang untuk menghapuskan bukti. Kebiasaannya untuk kes-kes kecil dan biasa, bukti sangat ketara, jadi PDRM tidak perlukan masa reman yang panjang. Namun bagi kes-kes besar, berat dan terancang, biasanya orang sebenarnya akan menggunakan pihak lain untuk menjalankan jenayah tersebut. Untuk membuktikan penglibatan dalam sebenarnya bagi kes jenayah terancang amat rumit. Biasanya PDRM memerlukan masa reman yang lebih panjang.

Kebiasaannya suspek dalam kes jenayah terancang amat ramai, oleh itu PDRM memerlukan masa dan sumber yang lebih banyak untuk meneliti penglibatan setiap suspek bagi melengkapkan siasatan. Jika suspek dibebaskan awal sebelum dalam sebenarnya ditahan, saya kuarir suspek akan membocorkan maklumat siasatan kepada dalam dan akhirnya mengganggu dan memprejudiskan siasatan, malah pernah berlaku saksi kes dibunuh bagi menghapuskan bukti.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya saya percaya SOSMA bukanlah suatu akta yang zalim seperti mana yang dituduh oleh sesetengah pihak.

Pemanjangan tempoh reman kepada 28 hari bukanlah untuk menyusahkan seseorang itu atau melanggar hak asasi manusia, tetapi kes yang disiasat di bawah SOSMA merupakan kes-kes yang berat dan mampu memberi impak yang dahsyat kepada keselamatan awam dan kedaulatan negara. Sekiranya kita takut berlaku salah tuduh ke atas orang yang tidak bersalah, saya cadangkan agar prosedur reman SOSMA ini ditambah baik dengan mewujudkan sebuah pihak untuk memantau proses siasatan. Mungkin kita boleh minta bantuan Jabatan Peguam Negara untuk memantau hasil siasatan dan bukti yang diperoleh secara berkala sepanjang siasatan berlangsung.

Kita perlu ingat, bukan semua kes akan disiasat di bawah SOSMA. Akta ini hanya digunakan untuk kes-kes yang besar dan berat yang mengancam keselamatan negara. Oleh itu, saya berpendapat kita perlukan satu undang-undang yang setimpal dengan kesalahan untuk menyiapkan penjenayah dan pegganas ini jika mereka cuba untuk melakukan jenayah akan ada hukuman berat menanti mereka. Dalam masa yang sama, akta ini juga memberi ketenangan dan kesenangan hati kepada rakyat kerana ia memberikan perlindungan dan keadilan di samping menjamin keselamatan dan ketenteraman negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali.

Sila Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

11.26 pg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) bukanlah sebuah akta yang zalim seperti mana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Akta ini digubal khusus untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubung dengan kesalahan ketenteraman awam, jenayah terancang serta ancaman pegganas.

Terdapat pihak yang mendakwa akta ini digubal bagi menggantikan ISA untuk membuat tahanan politik, padahal ia sama sekali tidak sama. SOSMA 2012 menggariskan prosedur yang lebih ketat dan tidak boleh digunakan untuk membuat tahanan politik. Buktinya, jika kita lihat dalam akta ini seksyen 4(3) SOSMA 2012 menyatakan bahawa dengan jelas, "*Seseorang tidak boleh didakwa di bawah seksyen ini atas kepercayaan politik atau aktiviti politiknya*". Ini membuktikan tidak ada pihak yang boleh menyalahgunakan akta ini untuk menahan ahli politik tanpa sebab.

Oleh itu, tidak timbul isu tahanan politik dan sebagainya. Bagi kes-kes biasa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menggunakan prosedur reman daripada Kanun Prosedur Jenayah, seksyen 117 di mana jumlah reman maksimum tujuh ke-14 hari. Namun begitu, memandangkan kes yang didakwa di bawah SOSMA 2012 merupakan kes yang berat dan kompleks melibatkan sindiket kumpulan pegganas, PDRM memerlukan tempoh masa yang lebih lama untuk mereman orang-orang yang dituduh bagi melengkapkan kertas siasatan. Oleh itu jumlah reman selama 28 hari ini amat penting bagi memberi ruang dan masa yang mencukupi kepada PDRM.

Meskipun dalam seksyen 4(5) memperuntukkan bahawa seseorang pegawai polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada Penguasa Polis boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh yang tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1130

Jika diikutkan, sebenarnya PDRM tidak mendapat 28 hari pun untuk membuat siasatan. Ini kerana mengikut Seksyen 4(9), Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan itu hendaklah mengemukakan Kertas Siasatan kepada Pendakwa Raya pada hari ke-21 tahanan ditahan. Ini bermakna, PDRM sebenarnya mempunyai masa selama 20 hari sahaja untuk membuat siasatan, di mana tahanan ada akses kepada peguam, dan selepas itu mereka akan dibicarakan di mahkamah terbuka. Ini pula merupakan bukti tidak ada isu tahan tanpa bicara dan sebagainya.

Meskipun kita sudah ada banyak undang-undang yang boleh digunakan, saya yakin kita memerlukan SOSMA bagi membendung sebarang ancaman yang merentas sempadan. Kesalahan yang ada dalam Jadual Pertama SOSMA jelas merupakan kesalahan-kesalahan besar dan kompleks yang melibatkan kesalahan-kesalahan keselamatan. Sekiranya tempoh reman 28 hari ini tidak dilanjutkan, PDRM hanya boleh menggunakan Seksyen 4(4) iaitu tempoh siasatan selama 24 jam sahaja untuk menyiasat kes jenayah terancang, kes sindiket penyeludupan migran, kes kumpulan keganasan dan sebagainya.

Siasatan bagi kes-kes keselamatan adalah amat rumit untuk dipecahkan. PDRM memerlukan masa untuk melengkapkan kertas siasatan terutamanya bagi mendapatkan keterangan daripada orang yang ditahan dan bagi mengesan penjenayah yang masih bebas. Ini merupakan kesalahan yang kompleks. Mustahil ia boleh diselesaikan dalam masa 24 jam.

Bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan reman agar tidak berlaku penganiayaan terhadap rakyat yang tidak bersalah, saya mencadangkan agar dalam tempoh penahanan 28 hari itu, orang yang ditahan boleh melantik peguam untuk mewakili dirinya. Di samping itu, prosedur reman juga boleh ditambah baik dengan mewujudkan pihak yang memantau proses siasatan oleh PDRM secara berkala, contohnya dipantau oleh Jabatan Peguam Negara.

Secara kesimpulannya, saya yakin SOSMA ini merupakan sebuah peruntukan undang-undang yang amat penting bagi melindungi negara kita daripada ancaman-ancaman yang mampu mengganggu dan menggugat ketenteraman dan keselamatan awam serta kedaulatan negara. Oleh itu, saya pohon dan merayu agar semua pihak mengetepikan perbezaan dan kefahaman politik dan sentimen peribadi agar menyokong sepenuhnya usul ini bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara.

Sekian, saya dengan ini memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd. Aziz atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey bin Suan.

11.34 pg.

Datuk Bobbey Ahfang bin Suan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Usul berkenaan pelanjutan subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA.

Saya ingin mengajak rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama menilai secara adil dan bijaksana, perlukah kita mengorbankan satu lagi alat perundangan yang perlu oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjalankan tugas khususnya dalam membanteras jenayah berskala besar dengan hanya beberapa pengalaman pahit kita atau kenalan sesama dalam tahanan? Sedangkan, melalui mekanisme ini, lebih banyak manfaat yang boleh diperoleh oleh sistem keselamatan negara kita khususnya melalui siasatan yang lebih sesuai iaitu 28 hari berbanding tempoh biasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham antara alasan utama Usul ini pernah ditolak di dalam Dewan Rakyat pada persidangan Mac yang lalu pastilah berkenaan kerisauan berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh pihak tertentu dan dikaitkan dengan cara yang agak keras seperti pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah pun dibatalkan pada tahun 2012. Bayangkan, andai sahaja kita terlalu gopoh menolak usul ini, kesan besarnya pada siasatan yang dijalankan oleh pihak polis ialah kemungkinan besar banyak maklumat akan terlepas dan sukar didapati melalui tahanan.

Tamsilnya, lewat bulan Mei hingga Julai, seramai 58 orang individu telah ditangkap melalui SOSMA. Ini termasuk kes senjata api, penyeludupan dadah dan sebagainya. Penolakan usul ini akan membawa kesan buruk pada siasatan kes-kes seperti ini. Suspek yang terpaksa dibebaskan akan terlepas, rangkaian bukti akan terganggu dan siasatan pula menjadi compang. Ini bukan cara yang sepatutnya sistem keselamatan negara kita berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan jika ramai pengedar dadah terlepas, jika banyak transaksi perdagangan manusia berlangsung dan jika bercambah pula budaya jenayah terancang, ketika itu usahlah kita berbicara tentang hak asasi manusia, keadilan sosial hatta sekalipun kebitaraan undang-undang kita oleh sebab kita sendiri yang kurang menilai dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, usul ini telah pun dicermati dengan falsafah kenegaraan dan kerohanian yang baik dan keadilan perlu dilihat dari sudut yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menolak bahawa instrumen lain dalam Perlembagaan Persekutuan wujud seperti seksyen 117, Kanun Keseksaan. Namun, seksyen ini hanya membenarkan penahanan tidak lebih 14 hari yang dibenarkan oleh Majistret. Dalam kenyataan mantan Ketua Polis Negara semasa mengulas perkara ini, beliau mengambil contoh dalam kes penyiasatan yang membabitkan keganasan. Ia dilakukan oleh mereka yang bergiat dalam kumpulan dan siasatan menyeluruh perlu dijalankan untuk mengenal pasti identiti serta peranan mereka. Jumlah 14 hari merupakan tempoh yang tidak memadai.

■1140

Justeru, tempoh 28 hari diperlukan untuk membolehkan pasukan siasatan mendapatkan maklumat keseluruhan mengenai ideologi sesebuah kumpulan terbabit dan matlamat mereka. Bahkan, suspek tahanan SOSMA turut dihadapkan kepada Majistret seperti biasa sebelum reman dilanjutkan pada 28 hari. Ini bukti pihak Polis Diraja Malaysia memberi ruang dan hak sewajarnya kepada tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata secara peribadi saya menyokong Usul ini demi kemantapan sistem keselamatan negara dan memudahkan usaha kerja pasukan keselamatan negara iaitu Polis Diraja Malaysia untuk memastikan negara ini makmur dan harmoni tercapai. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

11.41 pg.

Puan Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pelanjutan subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) SOSMA 2012. Rasanya mana-mana negara dalam dunia ini semuanya memerlukan undang-undang khusus untuk memerangi jenayah berat atau keganasan terancang yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan sesebuah negara.

Begitu juga negara kita, demi memelihara keamanan, keselamatan dan ketenteraman awam dan setiap rakyat berasa aman dan berasa selamat menjalani kehidupan seharian, sudah tentu kita perlu ada undang-undang atau akta untuk memerangi jenayah berat atau keganasan terancang yang melibatkan keselamatan negara tanpa mengetepikan atau melupakan aspek pertimbangan kemanusiaan atau hak asasi kemanusiaan terhadap tahanan atau orang yang tertuduh. Dengan kata lain penguatkuasaan undang-undang di bawah undang-undang ini hendaklah mengikut peraturan perundangan iaitu *rule of law*, dengan izin.

Stigma umum bahawa SOSMA boleh dimanipulasikan oleh kerajaan perlu ditangkis sebaiknya menerusi komitmen Kementerian Dalam Negeri dalam memastikan bahawa pelanjutan kuat kuasa subseksyen 4(5) yang menyentuh mengenai penahanan seseorang yang dipercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan di bawah akta ini boleh dilanjutkan untuk tempoh yang tidak lebih daripada 28 hari oleh pegawai polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada Penguasa Polis bagi maksud atau tujuan penyiasatan perlu dijadikan medium oleh penyiasat PDRM bagi pengumpulan bukti berkenaan dengan tuduhan jenayah kesalahan keselamatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama akta ini yang dilakukan oleh tahanan SOSMA.

Sudah tentu kita tidak dapat melupakan peristiwa berdarah yang berlaku di Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada tanggal 11 Februari 2013 yang merupakan catatan hitam dalam sejarah negara kita. Insiden pencerobohan tentera militan Sulu yang dikaitkan dengan Jamalul Kiram III di Pantai Timur Sabah ini telah membuka mata kita betapa pentingnya akta ini untuk tujuan keselamatan awam. Penahanan dan pendakwaan ke atas 104 orang ini di bawah SOSMA merupakan satu contoh yang terbaik untuk kita Ahli Dewan Negara memutuskan pendirian mengenai pelanjutan subseksyen 4(5) ini.

SOSMA ini turut digunakan dalam memerangi kumpulan keganasan yang menggunakan agama Islam sebagai topeng. Contohnya, dalam kes individu yang bernama Yazid Sufaat seorang Ahli Jemaah Islamiah yang mempunyai kaitan dengan kumpulan ekstremis Islam Al-Qaeda. Dia telah dibebaskan daripada ISA pada 2002 dan kemudiannya ditangkap semula di bawah SOSMA pada tahun 2013 kerana merekrut ahli untuk menubuhkan *Islamic State* ataupun negara Islam di negara Iraq dan Syria.

Cuma ada satu persoalan mengenai akta ini yang mungkin memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Seksyen 30 secara keseluruhannya menyentuh mengenai penahanan sementara tertuduh sehingga proses undang-undang habis. Seksyen 30 menyatakan jika mahkamah perbicaraan membebaskan tertuduh bagi kesalahan keselamatan apabila pendakwa raya memfailkan notis rayuan terhadap pembebasan itu, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapatkan suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh yang di reman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan itu.

Subseksyen 4, atas permohonan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen 3, mahkamah hendaklah memenjarakan tertuduh itu sementara menunggu beresnya rayuan itu. Kalau dilihat dalam seksyen 30(5) pun, jika rayuan oleh Pendakwa Raya ditolak, dan perintah pembebasan tertuduh oleh mahkamah sudah disahkan, pendakwa raya boleh membuat permohonan secara lisan kepada mahkamah supaya tertuduh itu di reman semula di dalam penjara sementara menunggu Notis Rayuan difailkan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan oleh Pendakwa Raya.

Secara ringkasnya boleh disimpulkan walaupun mahkamah perbicaraan sudah membebaskan tertuduh, tetapi sehinggalah proses rayuan terakhir telah dilakukan oleh pendakwa raya, tertuduh boleh ditahan dalam penjara dalam tempoh yang amat panjang. Oleh sebab untuk menunggu tarikh proses rayuan didengar oleh mahkamah, kadang-kadang makan masa. Jadi aspek keadilan terhadap tertuduh perlu dilihat lebih teliti dalam seksyen 30 ini.

Menarik juga untuk dilihat dalam Seksyen 13 akta menyatakan, mana-mana tahanan SOSMA yang tertuduh di bawah akta ini tidak boleh diberikan jaminan.

Walau bagaimanapun, ada pengecualian terhadap seksyen ini yang mana sekiranya tertuduh itu berumur 18 tahun ke bawah atau *minor*, perempuan dan sakit atau berkeuzuran dengan syarat orang-orang ini bukan dituduh di bawah Bab 6A, Kanun Keseksaan, dan Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015. Maksudnya penguatkuasaan undang-undang SOSMA ini tidaklah terlalu menekan sehinggakan tahanan yang memiliki *disadvantages*, dengan izin, tidak boleh langsung diberikan jaminan.

Jaminan yang diberikan menerusi pelaksanaan peruntukan ini membuktikan bahawa Akta SOSMA ini bukanlah akta yang zalim seperti yang disangka oleh umum jika dibandingkan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Sebagai kesimpulannya, saya bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa Akta SOSMA diwujudkan dengan tujuan untuk dijadikan sebagai alat perundangan yang relevan kepada pihak PDRM bagi menjalankan siasatan terhadap jenayah berkaitan keselamatan. Ketiadaan akta khusus berkaitan pembersihan jenayah keselamatan seperti SOSMA boleh merumitkan satu-satu penyiasatan dan menyukarkan pihak pendakwaan untuk menjustifikasikan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah yang bersifat sebagai pengganas.

Akta SOSMA ini boleh digunakan sebagai tunjang perundangan utama negara bagi menyiasat serta menyekat mana-mana individu atau pihak yang disyaki terlibat dalam mendalangi sebarang aktiviti yang boleh merisikokan keselamatan negara dan rakyatnya. Saya juga percaya dengan komitmen kerajaan bahawa akta ini tidak akan digunakan sewenang-wenangnya ataupun disalahgunakan terutama untuk membuli musuh politik. Sudah tentu kita tidak ingin peristiwa hitam yang berlaku di Lahad Datu sembilan tahun dahulu dibiarkan berulang kembali.

Akhir kata, saya mengharapkan agar kedaulatan negara, keselamatan rakyat dan keharmonian sejagat dapat dipertahankan dan diangkat sebagai aspirasi utama oleh kerajaan menerusi sokongan kami Ahli-ahli Dewan Negara terhadap Usul Pelanjutan Kuat Kuasa subseksyen 4(5) Akta SOSMA ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1150

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan untuk menyampaikan perbahasan dipersilakan.

11.50 pg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Usul Pelanjutan Tempoh Kuat Kuasa subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 selama lima tahun lagi mulai 31 Julai 2022 seperti mana yang telah diluluskan di Dewan Rakyat semalam.

Dua bulan yang lalu seorang lelaki yang bernama Murali Shunmugam yang berusia 36 tahun dari Bukit Selambau telah didatangi empat orang lelaki menaiki dua buah motosikal sebelum salah seorang suspek melepaskan beberapa tembakan di depan sebuah restoran di Jalan Bakar Arang di Sungai Petani Kedah. Tembakan itu mengenai kepalanya, dan mangsa meninggal dunia di tempat kejadian.

Lebih menyedihkan hati, peristiwa itu berlaku di hadapan isteri dan anak lelaki mendiang yang sedang berjalan keluar dari restoran di seberang jalan. Peristiwa ini memang amat mengejutkan malah lebih mengejutkan lagi, apabila mangsa yang terbunuh dalam insiden itu dipercayai individu yang dikehendaki mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, kerana dipercayai terbabit dalam kumpulan kongsi gelap dan pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa tentang isu krisis pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013, apabila seramai 104 orang warga Filipina yang disyaki ada kaitan dengan Jamalul Kiram III, salah seorang yang menuntut Takhta Kesultanan Sulu, salah seorang yang menuntut Takhta Kesultanan Sulu ditahan di bawah SOSMA. Mereka termasuklah beberapa orang ahli keluarga Kiram yang memasuki negeri Sabah menggunakan identiti palsu.

Kita juga dikejutkan apabila seorang presiden parti politik di Sabah telah ditangkap dan dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada bulan yang lalu selepas dipercayai menjadi dalang sindiket penipuan 'kad kebal' kepada warga asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

Sudah tentulah perkara-perkara seperti ini memerlukan satu peruntukan undang-undang seperti SOSMA, dan ia perlu diberikan peruntukan dan satu ruang masa yang lebih panjang supaya hasil siasatannya lebih meyakinkan dan adil. SOSMA sebenarnya begitu jauh berbeza daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana prosedurnya yang lebih ketat dan tidak boleh digunakan untuk membuat tahanan politik. Saya percaya bahawa inilah yang menjadi punca kenapa SOSMA masih lagi diragui oleh sebahagian daripada rakyat Malaysia.

Terkandung di dalam subseksyen 4(3) yang menyebut, "*Tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya*". Walaupun telah dinyatakan secara jelas di sini namun ia mestilah benar-benar dapat dilaksanakan dengan adil tanpa campur tangan pihak lain, khususnya daripada kalangan pemimpin kerajaan seperti mana yang pernah berlaku ketika ISA dilaksanakan. ISA dimansuhkan kerana terdapatnya unsur salah guna terhadap peranannya yang dijadikan alat untuk kepentingan pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 4(4) mestilah disusuli dengan subseksyen 4(5) tanpa subseksyen 4(5), subseksyen 4(4) yang memperuntukkan bahawa orang yang ditangkap dan ditahan boleh ditahan untuk tempoh selama 24 jam bagi maksud penyiasatan tidak mampu untuk mendapatkan hasil penyiasatan yang tepat.

Dibimbangkan juga dengan hanya tempoh 24 jam pihak Polis akan cuba menggunakan pelbagai usaha termasuk kekerasan yang akhirnya akan menyebabkan mereka yang tidak bersalah terpaksa membuat pengakuan bersalah.

Subseksyen 4(5) pula memperuntukkan bahawa seorang Pegawai Polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada Penguasa Polis boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh yang tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan.

Jika subseksyen 4(5) ini tidak dilanjutkan dan diluluskan di dalam Dewan Negara ini pihak polis hanya boleh menggunakan subseksyen 4(4) iaitu tempoh siasatan selama 24 jam sahaja untuk menyiasat kes jenayah terancang. Kes sindiket penyeludupan migran, kes kumpulan keganasan dan termasuklah kes penipuan atas talian atau *scammer* yang semakin berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting dalam kita melaksanakan SOSMA ini merupakan keadilan mesti ditegakkan. Kerajaan perlu memastikan bahawa kecaman dan bantahan yang telah dibuat terhadap ISA sebelum ini tidak berlaku kerana keadilan dituntut dalam agama Islam.

Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah SWT perintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya dan apabila kamu berhukum di antara manusia bahawa kamu menjatuhkan hukuman dengan adil.*" Surah An-Nisa ayat 58... [Tepuk] Nabi Muhammad juga bersabda yang bermaksud, "*Barang siapa yang menganiaya sejengkal sahaja dari tanah, Allah SWT akan mengalungkannya tujuh bumi pada hari kiamat*".

Apa yang penting di sini iaitu keperluan untuk kita berikan ruang yang secukupnya kepada pihak polis untuk melakukan tugas mereka bagi memastikan negara kekal bebas daripada ancaman keselamatan khususnya serangan dan kegiatan penganas.

SOSMA digubal untuk membendung aktiviti seorang atau kumpulan yang mahu mengguling atau melemahkan negara, apatah lagi dunia hari ini berhadapan dengan ancaman-ancaman baharu yang merentas sempadan. Dalam masa yang sama kerajaan juga perlu memantau perjalanan SOSMA ini dengan sebaiknya. Jangan ulangi kesilapan ketika ISA dilaksanakan. ISA merupakan satu akta yang penting untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara.

Namun, ia mula dipertikaikan apabila ada tangan-tangan yang cuba menjadikannya sebagai alat politik yang akhirnya menyebabkan ISA terpaksa dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan atas perbincangan yang telah diberikan.

Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

11.59 pg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nasta'in.*

■1200

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747] untuk melanjutkan tempoh penguatkuasaan Seksyen 4(5) selama lima tahun ke hadapan. Terima kasih sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada persoalan yang saya hendak kongsi bersama-sama dengan rakan-rakan Dewan Negara. Dewan Negara faham betapa perlunya kita untuk menjamin keselamatan negara dan tanah air kita. Tidak ada masalah untuk kita sokong semata-mata untuk memastikan keselamatan rakyat jelata dan juga negara kita. Akan tetapi Ahli Dewan Negara pada kali ini, saya melihat kita bukan seperti yang dikatakan sesetengah pihak *rubber stamp*, Pak Sanggup, Pak Turut dan sebagainya. Walaupun kita secara prinsipnya kita menyokong undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, tidak semestinya kita menyokong secara semberono di Dewan Negara.

Saya melihat hari ini, perbincangan yang cukup mantap untuk memastikan setiap undang-undang ataupun RUU yang diluluskan di Dewan Rakyat dimantapkan di Dewan Negara. Ahli Dewan Negara juga bukan hanya pelengkap untuk menjadi jurutunjuk kepada Dewan Rakyat.

Justeru, kita memerlukan penjelasan daripada akta ini supaya ia tidak menampakkan setiap akta yang diwartakan sebagai tindakan yang zalim daripada pihak kerajaan. Cuma di sini, saya ingin mencadangkan supaya yang dimaksudkan dalam akta ini untuk melanjutkan tempoh lima tahun ke hadapan. Untuk meluluskan akta ini, banyak perbincangan yang dilakukan.

Kalau kita lihat di Dewan Rakyat, saya mengikuti secara rapat, macam tidak tahu hendak sebut. Tidak layak rasanya untuk membina sebuah negara bangsa seperti negara kita Malaysia. Jadi pada saya, lebih baik kita mencadangkan supaya daripada lima tahun kepada 10 tahun. Jadi 10 tahun sekali kita rancang, kita bahas secara detil untuk memastikan undang-undang itu dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Lima tahun, tadi Yang Berhormat Menteri kata, lima tahun memudahkan kita untuk semak dan imbang. Semak dan imbang apa? Sekali kita hendak bentang, saya tidak tahulah macam mana hendak disebutkan Ahli-ahli Dewan Rakyat berbahas. Ada yang tertib, ada yang tidak tertib. Jadi saya di sini, di Dewan Negara pada kali ini saya mencadangkan supaya kita lengkapkan dengan 10 tahun ke hadapan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya memperincikan peruntukan 4(5), tahanan ditahan selama 28 hari. Tiada forum, tidak dibawa ke Majistret dan tidak dibawa ke hadapan sesiapa untuk tahanan lanjutan reman. Maksudnya, yang ditahan itu tidak boleh hendak mengadu kepada sesiapa. Hal ini membawa maksud, undang-undang boleh disalahgunakan oleh mereka yang berkepentingan.

Saya ada sedikit pengalaman yang sangat bermakna. Dalam Penggal ini saya pernah menjadi Pembangkang. Saya juga pernah menjadi Kerajaan dan kita bersilih ganti Perdana Menteri. Kadang-kadang undang-undang yang diwartakan oleh pihak kerajaan adalah untuk kepentingan parti politik yang memerintah. Di sini ada ruang untuk pemimpin ataupun untuk mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mencelah bagi memenuhi tuntutan kepentingan mereka. Banyak aduan, setelah tahanan ditahan selama 28 hari, ada yang dikatakan dipukul dan ada yang dikatakan dibelasah oleh Anggota Polis. Keluarga diugut dan pihak Polis ada yang meminta wang sebagai rasuah untuk kes ini digugurkan ataupun diselesaikan. Ini tuduhan Tuan Yang di-Pertua.

Betul, kita bagi ruang kepada Polis untuk menyiasat tetapi siasatan perlu kesaksamaan serta keadilan kepada semua pihak. Boleh siasat tetapi biar ada keadilan. Kalau kita tahan, kalau kita pukul dia, kalau kita belasah dia, daripada segi undang-undang negara pun tidak sesuai. Ramai kawan kita menyebut untuk perbandingan dengan ISA. Memang betul ISA dengan SOSMA, saya rasa lebih baik SOSMA. Akan tetapi kita kena buat tambah nilai. Setiap kali ada perubahan, ada penambahbaikan supaya pelaksanaan hukum mempunyai satu titik keadilan kepada si tahanan dan juga kita sebagai kerajaan.

Tadi ada Menteri menyebut 21 hari tidak cukup dan tidak memadai. Ada kawan-kawan kita menyebut rahsia akan bocor, boleh hapuskan bukti. Akan tetapi pada saya, kalau kita mantap, Polis kita betul-betul menjaga keamanan negara, tidak akan bocor, yang bocor sebahagiannya saya mendapat laporan dari bawah sana Tuan Yang di-Pertua, Polis sendiri yang membocorkan.

Jadi di sini kita lihat, pelaksanaan akta mesti dikuatkuasakan dengan sempurna dan sebaik mungkin oleh pelaksana, dalam bab ini- Polis. Jadi kita minta supaya penjelasan yang saya sebutkan tadi perlu diperjelaskan lagi. Apakah tuduhan yang dituduh di bawah sana dan sebahagiannya daripada pihak pembangkang? Benar ataupun tidak perkara ini berlaku? Polis yang membocorkan, Polis yang mengugut, Polis yang memukul, dan Polis yang membelasah tahanan yang berada selama 28 hari di dalam penjara ataupun lokap.

Sebagai contoh hari ini, sama ada keluarga Tuan Yang di-Pertua ataupun keluarga kita, keluarga saya kena tahan selama 28 hari, dipenjarakan, keluarga tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua tidak tahu di mana tahanan itu ditahan selama 28 hari dan mereka dibelasah, disepak, ditendang dan diterajang. Apakah rasa kita? Ketika itu saya rasa baru Tuan Yang di-Pertua- kalau kena keluarga sendiri 'baru nampak langit itu tinggi ataupun rendah.'

Tuan Yang di-Pertua, sebagai saksi untuk meluluskan RUU, dan saya rasa pada ketika itu saya sendiri atau Tuan Yang di-Pertua sendiri akan mengatakan bahawasanya undang-undang ini zalim. Fasal apa? Kena atas batang hidung kita sendiri.

Jadi daripada sinilah kita minta Yang Berhormat Menteri beri penjelasan, adakah tuduhan-tuduhan yang disebutkan tadi berlaku di dalam organisasi Polis, ataupun pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Dewan Negara mengadakan persidangan khas di luar takwim, di luar biasa semata-mata untuk luluskan akta ini setelah Dewan Rakyat berjaya membatalkan keputusan yang lalu. Keputusan yang lalu, semalam pada 23 Mac 2022. Keputusan kerana undian Belah Bahagi di sesi yang lalu, 23 Mac 2022 yang lalu gagal. Ini isu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Kenapakah? Hal ini kerana sebenarnya MP kerajaan gagal hadir di sesi undian yang lalu, maka pembangkang *ambush*. Ini satu kerja dia, dia suka tidak suka, dia tengok kerajaan tidak cukup orang, maka dia buat kerja. Walaupun akta itu penting, dia tidak peduli. Dia kira hendak memalukan kerajaan, dan akhirnya kita kalah.

Kalau betul RUU ini sangat penting, kenapakah MP Kerajaan tidak ada dalam Dewan? Kita bercakap bergegar-gegar. Kita kata ini penting, bercerita kepada rakyat di luar sana tetapi kita sendiri tidak hadir semasa sesi undian untuk meluluskan akta ini yang dikatakan sangat penting.

■1210

Memalukan kita dan akhirnya Usul tersebut ditolak. Di sini satu pengajaran yang sangat besar kepada Ahli-ahli Parlimen kita supaya setiap kali rumusan, penggulungan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, maka kita mesti berada di dalam Dewan yang mulia untuk memastikan Usul tersebut diluluskan seberapa segera. Kalau tidak, jadi macam sekarang. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita terpaksa membayar kepada Ahli Dewan Negara untuk hadir ke Dewan Negara. Semata-mata untuk meluluskan. Akan tetapi oleh sebab kita rasa itu satu perkara yang penting, maka kita hadir. Walaupun Notis yang diberikan tidak seberapa seperti mana kata Tuan Yang di-Pertua tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat faham cabaran siasatan dan kerumitan kes yang disiasat di bawah SOSMA sangat berat seperti tangkapan yang melibatkan tangkapan suspek yang begitu ramai.

Kedua, tangkapan melibatkan sindiket-sindiket dan kumpulan jenayah terancang negara. Ketiga, siasatan rangkaian kumpulan penyeludupan migran yang lebih kompleks untuk diselesaikan. Keempat, untuk meyakinkan saksi yang terlindung untuk beri pernyataan dan lain-lain lagi. Semata-mata untuk memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Saya hendak sebutkan di sini. Mungkin pihak sana- tadi saya hendak mencelah, masa tidak ada. Sekarang saya hendak sebut. Yang Berhormat Puan Lim, dia kata undang-undang ini mesti ditolak. Saya hendak bagi tahu. Saya mengikuti rapat sesi penggulungan Yang Berhormat Menteri Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin pada PH memerintah negara. Selaku Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Menteri, saudara sahabat saya Yang Berhormat Datuk Azis Jamman.

Dalam sesi tersebut, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin memberi penjelasan bahawasanya tidak ada Menteri Kabinet pada ketika itu, yang mana salah seorang daripada Menteri Kabinetnya adalah *brother* kita, saudara Tuan Lim Guan Eng selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tidak ada seorang Menteri dalam Kabinet yang menolak akta SOSMA pada masa itu dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sekarang pada sesi penggulungan. Dia memuji Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin memberi penjelasan ketika perbahasan. Maknanya apabila kita menjadi kerajaan, kita bersetuju. Apabila kita tidak menjadi kerajaan, kita tidak bersetuju. Saya tidak faham. Ini sebab undang-undang ini sangat penting. Soal awak kerajaan, awak tidak kerajaan. Apa yang mementingkan untuk negara, untuk memastikan keamanan negara. Maka, kita kena bersetuju waima kita kerajaan ataupun kita Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, itu penting. Jadi, atas sifat saya sebagai warga negara Malaysia dan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, maka saya menyokong penuh akta ini dilanjutkan lima ataupun 10 tahun ke hadapan. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris atas perbahasan yang agak panjang sedikit.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

12.14 tgh.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin memulakan perbahasan saya pada pagi ini dengan memetik dua rangkap puisi kemanusiaan oleh sasterawan negara Dato' Usman Awang.

*“Jika kita menyesali kematian atas seorang,
Dan hati tidak berdenyut untuk kematian yang lain,
Maka kemanusiaan tidak wujud di mahkota kebenaran,
Sebab bukanlah kemanusiaan bila ada perbatasan.*

*Dan setiap kota menangis dan mengucap kata,
Kerana sewajarnya kemanusiaan itu berdenyut dan terasa,
Tetapi tidak seorang pun akan menangis untuk pembunuhan yang bakal tiba,
Atau akan berkata: mari kita padamkan segala api sengketa.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya kekal mempertahankan bahawa akta ini merupakan akta yang bersifat *draconian* dan mempunyai potensi membunuh kemanusiaan dan mempunyai ruang yang luas untuk disalahgunakan dan dimanipulasi. Mudah untuk kita sebut ia tidak zalim dan diperlukan kerana kita barangkali tidak pernah menjadi tahanan dan bukan ahli keluarga kita yang terkait, isteri dan para ibu bekas tahanan ini merupakan barisan hadapan keluarga-keluarga ini.

Apakah asas keadilan akta ini? Ia masih meminggirkan hak-hak asasi dan paling fundamental berkaitan kebebasan diri dan terbuka kepada penyalahgunaan dan manipulasi penguasa oleh pemerintah. Apakah nyala rasa kemanusiaan kita sudah mati hanya kerana mahu menyokong akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak yang dibahaskan oleh rakan-rakan sebentar tadi dan ada banyak perkara kebimbangan. Walaupun mereka menyokong tetapi kebimbangan itu cukup jelas dan signifikan.

Pertamanya adalah berkaitan dengan justifikasi 28 hari ini. Apa yang saya fikir sangat penting kerana isunya merupakan isu kecekapan Polis boleh dipertikaikan dalam penyiasatan. Pihak berkuasa sepatutnya mempunyai dan melakukan siasatan yang lebih awal sebelum reman kerana Polis mempunyai mekanisme membuat siasatan yang lebih kukuh. Jadi tidak perlu gunakan SOSMA jika punya bukti yang kukuh dan Kanun Prosedur Jenayah boleh digunakan dengan segera untuk mendakwa mereka di mahkamah. Isunya bukan menambah tempoh atau melanjutkan tempoh masa tahanan tetapi merupakan kecekapan risikan, mengumpul bukti dan kecekapan PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan melanjutkan penguatkuasaan seperti yang dibentangkan Yang Berhormat Menteri justifikasi tahanan adalah untuk memberikan masa yang cukup bagi tujuan kualiti penyiasatan Polis yang tidak terjejas *dek* kes yang agak kompleks. Jadi, di sini wujud satu persoalan. Adakah kes-kes jenayah yang lain mempunyai kumulatif tahanan reman yang cukup dan mengapakah hanya dikhususkan untuk SOSMA ini sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, lanjutan penguatkuasaan subseksyen 4(5) ini hanya memberi kepentingan kepada penguasa dan bukanlah untuk tujuan memberi ruang yang wajar kepada tertuduh. Tahanan akan jauh lebih sukar untuk diberikan akses kepada keadilan dan dikesampingkan hanya untuk berdasarkan kes yang kompleks mengikut parameter pihak polis. Ini kebimbangan kita.

Tambahan pula, dakwaan berkenaan perubahan yang positif hanya lah kosmetik dan akhirnya akan menjadi alat untuk pihak kerajaan menggunakan kuasa politik partisan berbanding mengetengahkan isu keselamatan negara yang utama. Contoh-contoh telah diberikan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi daripada penangkapan aktivis BERSIH, isu di Memali dan sebagainya dan ia semuanya dikategorikan sebagai mengganggu gugat keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa kepada isu yang saya rasa cukup penting iaitu berkaitan akses kepada peguam. Persoalannya, adakah akses itu diberi sebaik sahaja orang ini ditangkap atau dalam mana-mana tempoh 28 hari ini. Ini isu yang penting yang Yang Berhormat Menteri perlu beri jaminan kerana *right to counsel*, dengan izin, hak untuk mendapat peguam merupakan jaminan asas hak asasi kemanusiaan dan paling *fundamental*.

Saya tidak mahu dengar selepas ini mana-mana jawapan ataupun aduan berkaitan akses ini dinafikan atas alasan masih dalam siasatan, bagi tempoh polis selesaikan dahulu atau alasan-alasan yang melengahkan akses kepada peguam ini. Apakah kebimbangan kita dalam isu yang bersifat ataupun undang-undang yang bersifat autoritarian ini? Ini kerana ada elemen yang kita sandarkan kepada *suspicion* iaitu syak, disyaki mengganggu ketenteraman dan menggugat keselamatan negara yang sebenarnya jelas bertentangan dengan Artikel 5, Perlembagaan Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak sebut jaminan dalam Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan ini cukup jelas. Menyiasat pengaduan, diberitahu dengan segera alasan-alasan dia ditangkap, dibenarkan dirunding dan dibela oleh peguam pilihannya. Apakah impaknya? Ia akan menjejaskan tanggungjawab negara, tanggungjawab perlembagaan negara untuk memastikan perbicaraan adil dan hak perlembagaan seseorang. Ini yang kita bimbang dan kita takut.

Perlembagaan Persekutuan ini akan dicabuli dengan wewenangnya jika kita tidak ada parameter dan *benchmark*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang dinamakan keadilan tadi. Tuntasnya, jika kes-kes yang disebutkan oleh rakan-rakan sebentar tadi akhirnya akan menjerumuskan kepada alat politik, maka dakwaan Yang Berhormat Menteri adalah sangat tidak meyakinkan.

■1220

Apa pun jaminan kerajaan di bawah SOSMA, tidak dapat membuktikan ia dapat dilaksanakan dalam aspek keadilan. Jadi, penjelasan perlu diberikan mengapa pihak kerajaan beranggapan bahawa lanjutan penguatkuasaan ini tidak terbuka kepada penyalahgunaan sedangkan *precedent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atau kes terdahulu melaporkan ketidakwajaran penahanan tanpa bicara.

Saya juga ingin mengutarakan kebimbangan yang seterusnya iaitu berkait rapat dengan jumlah kematian dalam tahanan. Dapat kita simpulkan bahawa tahanan ini, proses ini hanya akan menjurus ke arah statistik kematian dalam tahanan terutamanya berkait dengan tahanan yang dikaitkan dengan pemerdagangan manusia.

Sebagai tambahan, Malaysia merupakan negara tertinggi mempunyai jumlah hari tahanan tanpa dakwaan bahkan lebih tinggi daripada *United Kingdom* dan Australia. Tuntasnya juga, Yang Berhormat Menteri perlu menjawab, apakah jaminan tahanan di bawah SOSMA ini tidak akan menyumbang kepada statistik kematian dalam tahanan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai alternatif kepada penguatkuasaan lanjutan subseksyen ini, penambahan kepada kaedah siasatan pihak polis dan pihak pendakwa serta institusi kehakiman perlu ditingkatkan untuk membantu siasatan. Jika lanjutan tahanan diteruskan, bagaimana kita mampu untuk mempertahankan sistem kehakiman kita, mengangkat ketinggian institusi kehakiman dan untuk mendapatkan perbicaraan yang adil sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan? Tindakan ini akhirnya akan menyebabkan individu yang benar-benar perlu ditahan akhirnya akan mencabar penahanan mereka akibat daripada kesalahan tahanan dilanjutkan yang menjejaskan perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan yang mahu kita lihat sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi merupakan keadilan yang meletakkan sesuatu kepada tempatnya. Keadilan untuk yang ditahan, keadilan untuk memastikan Perlembagaan hidup dan mempertahankan hak Perlembagaan rakyatnya, keadilan untuk keluarga yang tertanya-tanya mengapa suami, isteri atau anak mereka ditahan tanpa perbicaraan, keadilan yang akhirnya yang memberikan keamanan kepada rakyat.

Marilah kita bersama-sama berdoa agar negara ini terus diberikan keamanan oleh Tuhan sekalian alam... [Bercakap dalam bahasa Arab] "Tuhan yang mengamankan kita dari segala ketakutan".

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga merupakan ujian keyakinan rakyat kepada pemerintah. Ketika ini, defisit kepercayaan rakyat yang sedang mengalami ketidakpercayaan terhadap proses demokrasi negara sangat-sangat penting untuk diambil kira. Subseksyen ini mesti meyakinkan bahawa ia tidak akan digunakan oleh pihak penguasa untuk menakutkan rakyat dan menyebabkan tahanan politik dalam kalangan ahli politik Pembangkang dan aktivis rakyat serta rakyat terbanyak yang sentiasa terhalang mendapat akses keadilan dan hak Perlembagaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendirian menolak akta ini sekeras-kerasnya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

12.23 tgh.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan usul melanjutkan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Saya berpendapat bahawa kita sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip seperti berikut- Pertama, hak kebebasan individu merupakan hak asasi kebebasan manusia yang penting.

Kedua, seseorang itu yang ditahan tidak bersalah sebelum dibuktikan bersalah. Walau bagaimanapun, akta ini bertujuan menjamin keselamatan negara kita dan rakyat Malaysia. Akan tetapi, penjenayah yang mungkin ada kaitan dengan orang di luar Malaysia memerlukan masa yang lebih lama untuk polis menyiasat. Jika keadaan keselamatan negara terancam, hak kebebasan asasi manusia perlu memberi laluan kepada keselamatan negara.

Walaupun bagaimanapun, kita masih berpegang dengan prinsip seseorang itu tidak bersalah sebelum dibuktikan bersalah atau, dengan izin, *a person is innocent until proven guilty*. Yang merisaukan kebanyakan rakyat ialah Akta *Security Offences Special Measures* (SOSMA) ini ialah mungkin ia akan boleh disalahgunakan untuk menahan orang-orang yang kerajaan tidak suka. Apakah jaminan atau *guarantee* yang ini tidak akan berlaku? Saya mohon Yang Berhormat Menteri mungkin boleh memberi jawapan kepada soalan ini.

Akan tetapi, bagi pihak saya, saya mencadangkan satu Jawatankuasa khas dibentuk untuk menyelia atau mengawasi atau, dengan izin, *oversees*, pihak Polis dalam kes-kes seperti begini.

Langkah-langkah ini, pada pendapat saya, macam tangkap dahulu, selepas itu baru siasat. Mengapa tidak siasat dahulu, baru tahan? Tadi dikatakan polis hanya ada 24 jam sahaja untuk menyiasat kes-kes ini. Saya tidak bersetuju dengan itu sebab untuk kes biasa pun kalau masa tidak cukup, Polis boleh meminta reman itu ditambah dari mahkamah. So, mengapakah tidak kes serupa ini dibuat sedemikian?

Saya juga ingin bertanya, selepas 28 hari, apakah terjadi dengan tahanan itu? Kalau dia tidak bersalah, dia dilepaskan atau disambung tahanan atau didakwa di mahkamah? Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

- (i) alasan akta ini perlu sebab pihak berkuasa hanya boleh menahan seseorang itu selama 24 jam sahaja adalah- saya berpendapat Polis boleh memohon melanjutkan reman dari mahkamah seperti kes-kes yang lain. Mengapakah Kanun Acara Jenayah (CPC) tidak diguna pakai untuk sebahagian daripada kes-kes ini? Dengan ini, saya ingin mencadangkan untuk menambah baik akta ini dalam pelaksanaan. Pertama, saya cadang semakan selepas tujuh hari melalui mahkamah. Kedua, membenarkan akses peguam selepas tujuh hari. Ketiga, membenarkan pelawat, ahli keluarga sama dengan banduan tahanan yang lain membenarkan ahli keluarga melawat tahanan ini.

■1230

Saya berharap cadangan-cadangan saya yang saya kemukakan, akan dilaksanakan dan dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing atas perbincangan.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

12.30 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk membincangkan. Terima kasih juga kepada Menteri Dalam Negeri yang telah mencadangkan Usul supaya Subseksyen 4(5) dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 untuk diteruskan berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai 2022.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beberapa kes yang sudah berlaku umpamanya kes tadi dikatakan itu kes kesalahan terhadap kedaulatan negara iaitu seperti peristiwa Lahad Datu, Tanduo dan kes juga banyak kes yang terancam yang merupakan ciri-ciri akan meningkat. Selain itu juga kes kita dengar dan lihat juga dari luar negara seperti di Amerika Syarikat, di Jepun, di *Philippines* dan lain-lain negara.

Baru-baru ini kita ada melibatkan musuh negara iaitu dadah, bengkel judi haram, penggubahan wang seperti dalam kes baharu kes '*Colombia Flat*' di Sungai Petani. Dua-Batalion Askar dan Kontinjen Polis berjumlah 169 orang pegawai terlibat dalam serbuan ini dengan tangkapan 42 orang suspek, dan 78 saman turut dikeluarkan. Kita dimaklumkan juga ada banyak lagi kes seperti ini ada berlaku di seluruh negara dan dimaklumkan juga operasi seperti ini akan dijalankan lagi.

Serbuan kes-kes seperti ini akan mengambil masa pihak polis dan akan melibatkan pelbagai pegawai keselamatan lain dalam penyiasatan seterusnya *filing report forensic*, dengan izin, dan aduan saksi dan juga melibatkan masa pihak kehakiman. Proses dalam kes seperti ini memang mengambil banyak masa.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah sekarang semakin kompleks melibatkan teknologi moden, kesediaan ada aset-aset dan kelengkapan canggih seperti melalui aset *cyber* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tak perlulah saya melonjakkan apa yang dikata tadi tetapi saya ada soalan dan isu, saya mohon di sini untuk dijelaskan oleh menteri. Satu, kenapa pelanjutan peruntukan khas di bawah Akta SOSMA subseksyen 4(5) itu dilanjutkan lima tahun sahaja. Kenapa tidak satu tahun sahaja dan boleh dilanjutkan oleh Parlimen bersidang bila masa untuk *review* atau semak dan imbang dan dapat diubahsuai mengikut keperluan.

Kedua, apakah langkah untuk mempercepatkan proses kes kesalahan keselamatan bahawa akta ini dalam masa lebih kurang daripada 28 hari? Dengan kecekapan polis kita dapatlah penyelesaian kes boleh dikurangkan daripada 28 hari.

Ketiga, apakah cabaran yang sering dihadapi dalam penyelesaian kes di bawah akta ini? Apakah langkah awal untuk memenangi kejadian jenayah keselamatan seperti jenayah keselamatan terancang?

Keempat, apa sambutan atau kerjasama bagi pihak polis dengan pihak bank tempatan dan bank luar negara dan pihak badan-badan di luar negara umpamanya *service provider*, penglibatan telekomunikasi di luar negara? Adakah peraturan dalam akta ini bercanggah dengan peraturan dengan peraturan antarabangsa dan Interpol?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes-kes jenayah keselamatan terkini yang semakin kompleks melibatkan teknologi tinggi semasa yang akan mengambil masa pihak keselamatan kita untuk menyelesaikan kes, saya memang menyokong usul perlanjutan tempoh- dalam akta subseksyen 4(5). Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbahasannya tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Nelson.

12.36 tgh.

Dato' Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya tak *prepare text* langsung tetapi malam tadi pening kepala saya ingat pasal isu ini.

Terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri ada pada tengah hari ini di sini supaya saya dapat meluahkan perasaan saya. Ini tak kena mengena dengan isu sokong atau tidak sokong. Ini kena mengena dengan isu akta ini.

Kita tidak ragu bahawa akta ini memang kita perlukan pada masa-masa seperti ini. Ada dua isu yang berbeza. Satu isu akta dan yang lagi satu isu pelaksanaan akta ini. Saya ingat isu yang kita pening, buat pusing sekarang ialah isu pelaksanaan bukan isu akta. Kemurnian dan kesucian akta ini mungkin tidak perlu dipertikaikan. Isu yang kita sering berdepan- isu pelaksanaan mana-mana akta, *enforcement of the act*.

Parti saya terpaksa membela keluarga beberapa orang yang ditahan di bawah SOSMA baru-baru ini. So, yang kita bela merupakan nasib keluarga bukan yang ditahan. Akan tetapi kita bela nasib keluarga dan 30 orang dan 40 orang ditahan. Kalau kali lima sudah 200, 300 isi keluarga yang terkesan daripada tahanan tersebut.

Jadi adakah kita- tadi saya terharu dengan hujah Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi dia pun ada membincangkan mengenai keluarga. Ada juga Yang Berhormat lain yang bincang mengenai apa yang berlaku kepada keluarga. Kalau itu keluarga saya yang terkesan, apa yang akan terjadi. Ada anak-anak yang kecil dan sebagainya. Tempoh 28 hari kita tak tahu mana mereka dan apa yang terjadi dengan dia.

So, yang runsing kepada parti-parti politik yang berasaskan kaum jugalah fasal kita kena jaga kaum kita juga dalam isu ini. Walaupun tak kisah siapa yang kena tahan, kita kena bela juga. Akan tetapi dalam isu ini apabila dari luar kawan saya tadi yang Yang Berhormat Dato' Kesavadas semalam saya ada bincang dengan dia. Dia cakap dekat Negeri Sembilan ada ramai yang kecam kita mengenai hal-hal ini kerana apa yang kita buat dengan isu ini, apa yang kita lakukan untuk membela nasib keluarga-keluarga ini. So, nampak macam kita tak buat apa-apa. Akan tetapi bila kita buat sesuatu kita dituduh sebagai satu kumpulan yang tak sokong akta ini. Itu tidak benar.

■1240

So, saya hendak jelaskan pada hari ini kepada Yang Berhormat Menteri iaitu ia ada dua isu yang berlainan. Satu isu akta, satu kalau seseorang itu ada berkaitan dengan jenayah yang berkaitan dengan akta ini, maka dia kena jawablah. Siapa pun memang kena jawab. Asalkan ia penguatkuasaannya dilaksanakan dengan seadil-adilnya. Itu masalah kita. Bukan isu akta. Akta mana pun sama. Akta SOSMA kah atau isu *Employment Act*, semua pun sama. Isunya ialah isu penguatkuasaan.

So, yang saya mohon dengan segala hormatnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk meneliti penguatkuasaan akta tersebut. Tadi pun rakan saya seorang lagi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa satu *oversight committee* ataupun Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk meneliti isu penguatkuasaan akta ini. Bagaimana penguat kuasa kita menjalankan akta ini, isu-isu dalam akta ini?

Kalau sesebuah parti kita membela nasib keluarga, maksudnya bukan kita tidak *support* SOSMA, tetapi kita hendak membela 200 hingga 300 orang ahli keluarga yang tidak ada orang kisah tentang dia. Semalam kita kena belasah dalam Dewan Rakyat juga. Kita ada seorang Ahli Parlimen sana kena belasah. Ada yang tanya, "*Oh you di luar sana you support. You sokong keluarga mereka tetapi dalam sini you support SOSMA*". So, saya hendak jelaskan di sini, itu merupakan dua isu berasingan.

Jadi, rasa tidak adillah kalau kita dikaitkan dengan menyokong mereka yang disyaki bersalah. Syak sahaja, belum dituduh lagi. Jadi, saya berharaplah, bukan kata kita-ini bukan kata sokong atau tidak sokong. Kita sokong sebagai satu pasukan daripada kerajaan, semestinya kita sokong tetapi kita juga meminta dan merayu kepada pihak berkuasa di bawah Yang Berhormat Menteri yang dihormati bahawa cuba ataupun tolonglah juga jaga isu-isu keluarga mereka yang- takkan budak-budak kecil tujuh tahun, lapan tahun bersalah? Takkan mereka bersalah? Sudah pasti dia tidak bersalah.

Jadi, kenapa kita hendak hukum anak-anak itu yang tidak bersalah, apakah diminta? Dia hendak minta tengok muka bapa dia sahaja, mungkin. Itu pun selepas 28 hari, sekejap pun tidak dapat jumpa muka bapa dia. Apakah salah hendak jumpa muka bapa dia sekejap?

Tuduhan-tuduhan lain yang telah diperkatakan tadi itu untuk siasatan lanjut. Belasah polis itu subjektif. Sepatutnya disiasat oleh pihak berkenaan. Akan tetapi permintaan saya, akta ataupun Akta SOSMA ini, ya memang daripada ISA, SOSMA lagi baik tetapi mungkin pada masa akan datang kita harus memperhalus lagi supaya isu-isu yang dibangkitkan mengenai pelaksanaannya dapat diperbaiki.

Bagaimanakah kita hendak membela anak-anak dan kaum keluarga yang ditahan ini? Itu masalah yang kita hadapi sebagai *community leaders*. Itu masalah yang kita hadapi untuk memastikan bahawa- ini bukan isu politik. Ini saya hendak beritahu kepada rakan-rakan di sebelah sana, jangan mempolitikkan isu ini dan buat kita macam serba salah. Kita macam serba salah fasal kita membela nasib keluarga mereka ini. Jangan buat kita macam serba salah. Yang memberi sokongan dalam kedua-dua Dewan mulia itu, kita juga beri sokongan tetapi apabila sesuatu berlaku, kita juga yang kena tolong mereka. Siapa lagi hendak tolong kalau bukan kita. So, kenapakah kita dipersalahkan? Ini mungkin ada *systemic issues* dalam melaksanakan sesuatu undang-undang.

Jadi, harapan saya ialah Yang Berhormat Menteri, kita akan sokong. Kita satu pihak, satu tim tetapi minta jugalah mendengar kita punya perasaan ini bagi pihak keluarga-keluarga yang telah terkesan daripada isu baru-baru ini. Isu makro SOSMA sebagai satu akta untuk memastikan bahawa negara berada dalam keadaan yang selamat, kita mesti sokong. Tidak ada cara lain tetapi minta Yang Berhormat Menteri dan juga pihak penguat kuasa untuk menjadi- *I mean*, menggunakan satu kaedah yang berpatutan dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Nelson a/l Renganathan atas perbahasan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

12.47 tgh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tengah hari ini sayalah orang yang terakhir. Saya akan habiskan ucapan sebelum waktu tengah hari.

Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan akta ini. Kita dapati bahawa SOSMA ini ialah pemudah cara tetapi semua orang akan bangkitkan apabila sebut SOSMA tentang keadilan, tentang pelaksanaannya. Ini kerana kita tahu bahawa setiap undang-undang yang dirangka dan digubal melalui proses yang panjang. Banyak pihak yang menelitinya. Pasti niatnya untuk keselamatan negara, kesihatan rakyat dan sebagainya. Akan tetapi apabila ada elemen manusia masuk semasa pelaksanaan, itu menjadi masalah.

Jadi di sini, saya ingin bertanyalah, saya tidak perlulah ulang apa yang rakan-rakan sebutkan tadi. Cuma saya hendak tanya, apa mekanisme yang ada untuk tujuan semak imbang aspek salah guna kuasa yang kita rasa mungkin ada, yang berpotensi ada. Apakah mekanisme yang ada untuk pastikan bahawa ada semak imbang antara pihak yang melaksanakan dengan pihak yang telah terkesan daripada undang-undang ini?

Kedua, apakah penambahbaikan yang dirancang oleh kementerian terhadap SOP ataupun cara tindakan yang diambil oleh Polis dalam melaksanakan undang-undang akta ini? Ini kerana sekiranya SOP tersebut kurang baik berdasarkan hujah-hujah ataupun *argument*, dengan izin, yang diberikan oleh kedua-dua Dewan ini, mungkin boleh digunakan oleh kementerian dan juga pihak Polis untuk menambah baik SOP yang sedia ada supaya aspek pelaksanaannya dapat diperkemas. Saya melihat SOSMA ini sebagai pemudah cara di mana pihak Polis menggunakan ini untuk menjaga keamanan negara. Tanpa ini mungkin agak sukar.

■1250

Jadi, inilah pemudahnya. Akan tetapi, kami ingin berpesan kepada kementerian juga pihak polis jangan ambil mudah dengan adanya pemudah cara ini kita lalai, kita buat mudah. Ini kerana dalam akta ini disediakan bermacam-macam kemudahan, kelonggaran untuk pihak Polis mengambil tindakan tahan 28 hari. Siasat tidak cukup pun ada ruang untuk tahan.

Jadi, jangan lalai dan hormatilah hak asasi manusia. Ini kerana rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang lain pun sebut tentang hak asasi manusia individu ini. Janganlah gunakannya untuk menutup kelemahan mana-mana pihak. Buat kerja tidak siap tetapi gunakan itu untuk tangkap dahulu, siasat kemudian, jangan. Gunakanlah budi bicara sebaik mungkin. Gunakan akta ini sebagai senjata terakhir demi kepentingan negara. Bukan setakat menjalankan tugas untuk mengambil hati ketua dan sebagainya.

Menyebut tentang pemudah cara ini, pihak polis juga perlu menjadi pemudah cara kepada pelbagai perkara tentang urusan pentadbiran negara berkaitan dengan untuk mengurangkan jenayah komersial, jenayah biasa ini, kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Jadi, kita lihat tindakan-tindakan itu telah dibuat. Tahniah kepada pihak Polis kerana menjaga kepentingan negara. Cuma, satu lagi aspek pemudah cara yang saya ingin sarankan kepada Polis adalah untuk memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan cadangan ataupun pendapat ataupun apa jua isi hati mereka melalui perhimpunan aman. Perhimpunan yang aman. Jangan kita sekat mereka. Ini kerana kita lihat bahawa mereka yang berhimpun ramai-ramai itu menuntut itu, menuntut ini, mencadangkan itu, mencadangkan ini adalah demi kepentingan negara. Ini kerana mereka merupakan rakyat negara ini. Bukan orang luar. Bukan musuh negara. Mereka cuma hadir untuk memberi pandangan kepada apa yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Perkara A, B dan C ini tidak bagus. Ini cadangan kita. Okey. Kita bagi ruang kepada mereka untuk mencadangkan. Itulah maklum balas yang kerajaan boleh dapat dengan percuma. Mereka datang dengan tambang bas sendiri, dengan minyak kereta sendiri dan beri cadangan kepada kerajaan itu percuma. Kita terima, kerajaan mungkin boleh tambah baik tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam membangunkan negara. Gunakanlah sebaik mungkin. Mereka juga yang datang itu semua sudah dewasa. Kanak-kanak tidak ada lah datang. Jadi, kita layani merekalah sebagai orang dewasa. Kita pun dewasa.

Jadi, tidak perlulah kita ambil tindakan yang tidak sesuai kepada mereka dan kita juga tahu bahawa mereka itu datang dengan niat untuk membangun negara. Jadi, kita bagilah ruang kepada mereka sediakan tempat yang sesuai. Berikan syarat yang sesuai. Mungkin katakanlah mereka hendak berhimpun syaratnya tidak melebihi 100 orang, okey. Ini tempatnya. Syaratkan mereka untuk bayar deposit untuk pastikan tidak berlaku kerosakan pada keadaan sekeliling, jika berlaku kerosakan deposit ditarik balik dan sebagainya.

Mungkin dikenakan baju seragam yang sesuai supaya tidak ada orang lain yang membuat provokasi orang luar itu. Ini kerana kita dapati ada sesetengah tempat contohnya apabila ada perhimpunan begitu polis akan memberi kemudahan dan mereka juga pihak penganjur juga akan membuat sekatan-sekatan tertentu memastikan bahawa tidak ada pihak luar yang merosakkan program mereka.

Jadi dengan ada yang sedemikian, polis boleh ambil video lengkap dan sesiapa yang terasa difitnah oleh mana-mana pihak yang semasa bercakap atau berucap kah boleh menggunakan video tersebut untuk menyaman. Kita bagi peluang. Jadi dengan cara ini, orang yang bercakap, orang yang berucap di situ pun akan berucap dengan penuh bertanggungjawab. Ini kerana takut di saman, dan sebagainya. Mereka juga jaga macam kita di sini.

Kita mungkin ada orang kata, dengan izin, *immunity* di Dewan. Akan tetapi, kalau di luar pun sebagai seorang Senator mesti bercakap dengan bertanggungjawab. Jika ada perkara macam ini, mereka di luar sana juga akan bertanggungjawab menjadi rakyat yang bertanggungjawab memberi pandangan yang bertanggungjawab tanpa menyerang individu tertentu. Akan tetapi, menyerang idea-idea yang dikeluarkan oleh individu tertentu itu satu yang baik dan yang bagus untuk negara.

Jadi, kita tahu bahawa mereka datang itu kita lihat mereka ini dihamburkan itu hanyalah kata-kata dan air liur sahaja. Tidak perlulah kita tembak dengan air dan sebagainya. Kita hujah, kita balas dengan hujah. Kita bagi peluang kepada mana-mana pihak yang dituduh ataupun diserang dengan kata-kata itu bagi peluang untuk mereka menjawab. Contoh kalau di universiti dan sebagainya. Kita buat ruang untuk berdebat. Tim penyokong kerajaan, tim Pembangkang dan sebagainya, kita bagi ruang yang sihat kepada mereka untuk berbahas secara orang kata bukan main-main. Betul-betul punya. Apa yang tidak betul kita boleh ambil tindakan.

Jadi dengan cara itu, kita mewujudkan satu ruangan yang baik. Jadi, inilah peranan pemudah cara oleh pihak polis dalam membantu mewujudkan negara yang lebih aman dan yang lebih maju. Jadi, apabila mereka ada ruang untuk menyebut apa yang mereka menyebut tidaklah terbuku di hati. Tidaklah kutuk sana, kutuk sini, pergi ke *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya menyerang individu apabila mereka tidak boleh mengeluarkan pandangan mereka. Jadi, dengan cara ini saya rasa pihak polis bolehlah mengekalkan keamanan negara secara fizikal dan juga secara dalam hati dan mental.

Inilah yang kita alu-alukan untuk memastikan bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak polis selain daripada menggunakan SOSMA untuk menangkap ataupun menahan orang-orang yang bakal ataupun disyaki mengganggu keamanan negara. Pihak Polis juga boleh berfungsi untuk meningkatkan kemajuan negara dan keamanan negara. Kita lihat di peringkat universiti, mereka inilah pelajar-pelajar yang bakal keluar untuk menjawat pelbagai jawatan sebagai CEO, pemimpin dan pegawai kanan.

Akan tetapi, kalau mereka di peringkat universiti dah disekat macam tikus di dalam sangkar, tidak pandai hendak atau tidak boleh hendak melepaskan itu. Jadi, macam mana kita hendak harapkan mereka keluar nanti mereka menjadi pegawai tinggi yang boleh mempertahankan negara. Pergi ke mesyuarat antarabangsa boleh berbahas dengan pihak luar negara dengan idea-idea yang bagus dan penguasaan bahasa yang bagus. Jadi, kalau kita tidak latih dari sini macam mana kita hendak dapat pemimpin yang baik.

Jadi, inilah tempat ruang untuk kita melatih pemimpin-pemimpin kita untuk tampil menjadikan pemimpin yang boleh mempertahankan negara dalam pelbagai aspek. Jadi, saya haraplah dengan hujah-hujah yang diberikan oleh rakan-rakan tadi pihak kementerian dapat meneliti.

Ini kerana kalau kita setakat mendengar dan dibiarkan benda itu dilepas begitu dan apabila akta diluluskan tidak ada apa yang berlaku. Gunakanlah maklumat ini untuk menambah baik akta yang ada daripada segi pelaksanaannya. Macam mana kita hendak pastikan bahawa imej PDRM kita terjaga, tidak dituduh menyeksa tahanan dan sebagainya. Inilah peluang terbaik untuk pihak kerajaan ataupun pihak kementerian memastikan bahawa diletakkan SOP yang bersesuaian supaya perkara itu dapat diikuti dan nama baik negara terjaga.

Jadi, dengan cara ini apa jua cadangan yang dikeluarkan dan dikemukakan oleh kementerian mendapat sokongan penuh daripada kedua-dua Dewan mungkin tanpa perlu berbahas panjang. Ini kerana perkara yang baik ini tidak perlu kita mempertikaikan. Saya rasa itu sahaja pandangan saya dan dengan ini saya menyokong akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ankan a/l Ehtook atas perbahasan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah selesai 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan tadi. Pada sebelah petang nanti kita ada lagi lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat perbahasan.

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 12.59 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

14.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat diteruskan lagi bagi perbahasan Usul perlanjutan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, selama lima tahun mulai dari 31 Julai 2023.

Di hadapan saya ada senarai pembahas yang terkini- seramai lapan orang Ahli yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa selama sepuluh minit seorang.

Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya membahaskan subseksyen 4(5), Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang memperuntukkan kuasa kepada Pegawai Polis yang berpangkat Superintenden Polis atau berpangkat lebih tinggi bagi melanjutkan tempoh tahanan maksimum selama 28 hari bagi maksud siasatan tanpa merujuk kepada badan kehakiman. Bagi pengetahuan kita, akta ini juga memperuntukkan kuasa kepada Polis untuk membuat tangkapan dan tahanan terhadap seseorang yang dipercayai terlibat dalam kesalahan-kesalahan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dipercayai ini menimbulkan kebimbangan kerana ia memberi budi bicara kepada Polis untuk membuat tangkapan tanpa waran. Kuasa-kuasa Polis tersebut tanpa rujukan kepada badan kehakiman menyebabkan risiko salah laku Polis terhadap tahanan amat tinggi. Tambahan pula, kita sudah ada bukti-bukti laporan mengenai salah laku atau salah guna kuasa oleh Polis.

Tuan Yang di-Pertua, menurut data terbaharu, PDRM telah menahan seramai 3,717 orang individu di bawah SOSMA, dan hanya 18 peratus iaitu 678 orang individu daripadanya dapat didakwa di mahkamah. Persoalan saya di sini, apakah nasib baki lebih daripada 3,000 orang individu yang tidak didakwa dan dinafikan segala hak untuk membela diri semasa ditahan di bawah SOSMA? Keadaan ini akan mengurangkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri menerima aduan dan pernah melihat nasib tahanan SOSMA yang dibebaskan tanpa dakwaan. Mereka biasanya kehilangan punca pendapatan dan komuniti sekitar termasuk ahli keluarga terdekat hilang kepercayaan terhadapnya. Bekas tahanan tersebut juga terpaksa melalui trauma dan tekanan mental yang tinggi.

Persoalan saya terhadap Yang Berhormat Menteri KDN, bukannya ini satu kezaliman dan kekejaman terhadap seseorang individu yang tidak bersalah? Saya juga memohon Yang Berhormat Menteri menjawab, apakah jaminan kerajaan terhadap seseorang tahanan SOSMA yang didapati tidak bersalah dan hilang pekerjaan dalam tempoh masa tahanan? Apakah sokongan kepada keluarganya yang tidak tentu arah selepas ketua keluarganya ditahan? Adakah kerajaan menilai isu-isu sebegini sebelum Usul ini dibentangkan di Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dan menghargai objektif Polis dalam mengekalkan keamanan negara. Namun, apa yang saya ingin pesan di sini merupakan Akta SOSMA boleh diguna terhadap kumpulan dan individu yang mengancam ketenteraman dan kedaulatan dalam mahupun di luar negara. Manakala bagi kesalahan-kesalahan lain, boleh dibicarakan melalui Kanun Tatacara Jenayah yang sedia ada. Saya juga memohon Yang Berhormat Menteri KDN, adakah cabaran dan kelemahan yang menyebabkan PDRM tidak boleh menyelesaikan sesuatu siasatan dalam Perintah Tahanan Majistret, maksimum 14 hari sehingga diperlukan tempoh masa yang lebih panjang sampai 28 hari.

Manakala jenayah-jenayah yang lebih berat sehingga hukuman mati dapat diselesaikan dengan tatacara jenayah yang sedia ada dan pesalah berjaya dibawa ke muka pengadilan. Saya juga menggesa di sini bahawa PDRM harus fokus dalam menetapkan etika-etika anggota supaya tidak menerima rasuah dan menjalankan tugasnya dengan jujur. Amalan rasuah dan salah guna kuasa juga akan semakin melemahkan sistem perundangan negara dan membawa kepada ancaman kepada ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kerajaan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa teknikal bagi menunaikan lagi akta SOSMA supaya hak dan masa depan tahanan tidak terjejas apabila didapati tidak bersalah. Dengan ini, saya memohon Yang Berhormat Menteri mengkaji semula subseksyen di bawah akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohan atas perbincangan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

2.39 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbincangan mengenai perlanjutan kuat kuasa subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) atau yang lebih dikenali sebagai SOSMA ini merupakan satu akta yang boleh di manipulasi bagi mencapai motif, termasuklah motif politik. Biarpun penangkapan terhadap seseorang individu tidak boleh dibuat atas motif politik atau aktiviti politik seperti yang digariskan dalam Seksyen 4(3), namun Akta SOSMA ini masih boleh dijadikan sebagai senjata politik oleh pihak-pihak berkepentingan. Seksyen 4(3) akta tersebut telah salah dipergunakan.

■1440

Yang Berhormat Petaling Jaya, Dato' Sri Khairuddin Abu Hassan, Matthias Chang adalah cukup bukti untuk menunjukkan salah dipergunakan. Pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ini memang bercanggah dengan seksyen 4(3).

Dari awal lagi saya ingin menekankan di sini bahawa saya berbahas sebagai pengamal undang-undang dan bukan sebagai seorang ahli politik. Kuat kuasa bagi peruntukan subseksyen tersebut, pada hakikatnya tidak mempunyai kewajaran untuk dilanjutkan.

Saya berpandangan bahawa tempoh penahanan maksimum 28 hari yang dikenakan kepada seseorang suspek atau individu yang disyaki terlibat dengan jenayah SOSMA boleh mendedahkan tahanan kepada, pertama, penyalahgunaan kuasa oleh segelintir Anggota Polis yang tidak bertanggungjawab yang mengendalikan siasatan terhadap tahanan; dan kedua, pengabaian tahanan yang meliputi perihal kesihatan serta tahap kebersihan persekitaran, air dan makanan yang disediakan sepanjang tempoh tahanan

Seperti kata pepatah Melayu, 'hanya kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.' Penyalahgunaan kuasa yang turut meliputi pengabaian tugas dalam mengendalikan tahanan SOSMA bukanlah melibatkan kesemua Anggota Polis secara keseluruhannya. Sikap segelintir anggota yang cuai, leka dan tidak beretika ketika bertugas menjaga tahanan SOSMA boleh mengundang pelbagai persepsi negatif kepada PDRM.

Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin menyingkap kembali peristiwa kematian seorang tahanan SOSMA kira-kira empat tahun dahulu. Kejadian yang berlaku pada pertengahan April 2018 itu melibatkan seorang individu berbangsa India yang telah disahkan mati oleh pihak Hospital Shah Alam setengah jam selepas beliau pengsan oleh anggota bertugas di lokap berpusat di Shah Alam. Insiden kematian tahanan tersebut sedikit sebanyak menimbulkan keraguan umum terhadap kredibiliti sebarang Anggota Polis yang melaksanakan tugas siasatan terhadap seseorang tahanan SOSMA.

Sebagai pengamal undang-undang, saya tidak merasakan bahawa pelanjutan kuasa bagi seksyen 4(5) ini perlu dibuat kononnya bagi tujuan penyiasatan. Tempoh 28 hari yang diberikan kepada PDRM sebagai lanjutan ke tempoh 24 jam tahanan seperti yang disebut dalam subseksyen 4(4) terlalu lama dan tidak signifikan bagi pelaksanaan satu-satu siasatan yang melibatkan penahan atau *detention*, dengan izin.

Saya faham bahawa pengendalian bagi satu-satu siasatan jenayah lebih-lebih lagi yang melibatkan keselamatan negara memerlukan masa yang mencukupi. Namun, persoalan yang wajar yang kita bangkitkan adalah sejauh mana tempoh tahanan lanjutan maksimum 28 hari itu betul-betul signifikan yang membantu PDRM dalam merumuskan satu-satu siasatan bagi tujuan pendakwaan.

Daripada perspektif saya, KDN sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam hal kepolisan negara wajar mencari formula terbaik untuk meningkatkan kredibiliti Polis dalam aspek penyiasatan jenayah SOSMA. KDN seharusnya lebih serius dalam membangunkan institusi PDRM sebagai badan penguat kuasa keselamatan negara yang boleh berkhidmat dengan mesra, cepat dan betul.

Bukan niat saya untuk mempersoalkan kredibiliti anggota PDRM sebagai badan penguat kuasa yang menjalankan amanah dalam hal ehwal pembanterasannya jenayah SOSMA. Saya juga merasakan bahawa fungsi tugas PDRM dalam hal ehwal penyiasatan SOSMA perlu lebih berfokus dan terarah kepada pengumpulan bukti. Dalam kata lain, PDRM seharusnya memanfaatkan tempoh 24 jam yang diperuntukkan dalam Subseksyen 4(4) tersebut bagi mengendalikan *interrogation* atau soal siasat yang terperinci dalam syarat bahawa tiada penganiayaan fizikal diperlukan terhadap tahanan.

Jadi, saya dengan tegasnya berpendirian bahawa mana-mana individu yang ditahan di bawah SOSMA tidak perlu diletakkan di dalam pusat tahanan atau lokap melebihi 24 jam.

Sebaliknya, tahanan tersebut boleh dibawa terus ke perhatian majistret selepas tempoh tahanan 24 jam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 117(2) Kanun Prosedur Jenayah. Biarkan Majistret menentukan proses perundangan yang selanjutnya bagi seseorang tahanan.

Majistret seharusnya dimandatkan untuk menentukan sama ada individu yang ditahan itu perlu diletakkan di bawah tahanan bagi tujuan penyiasaan bagi tempoh tidak melebihi daripada 15 hari atau menentukan sama ada individu yang ditahan itu boleh dihadapkan ke majistret lain yang mempunyai bidang kuasa yang relevan untuk membicarakan kes yang melibatkan tahanan.

Dalam pengalaman saya sebagai peguam yang ada juga mengendalikan kes-kes jenayah, biasanya kalau tidak ada bukti dalam 14 atau 15 hari, Bahagian Siasatan Jenayah ada menggunakan frasa *'go on the roadshow'* atau tukar gari atau tukar baju. Maknanya, katakan dari Seremban ditahan dan tidak ada bukti yang cukup, mereka akan cakap, *"Okay, Kajang perlu you."* So, kena hantar ke Kajang. Kalau Kajang pun tidak cukup, hantar ke Sepang. Ada berlaku. Kita panggil *roadshow* atau tukar gari.

Saya meletakkan harapan yang besar agar pelanjutan subseksyen 4(5) ini tidak diluluskan. Mengambil kira kemungkinan ia berjaya mendapat sokongan majoriti di Dewan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan beberapa perkara.

Pertama, adakah jaminan yang boleh diberikan oleh KDN terhadap etika Anggota Polis yang melibatkan dalam mengendalikan tahanan SOSMA? Apa bentuk pengawasan atau *surveillance*, dengan izin, yang akan dilaksanakan bagi memantau disiplin serta tatalaku anggota PDRM yang melibatkan dalam tugas penyiasaan tahanan?

Kedua, apakah bentuk pengauditan yang akan dikendalikan sendiri oleh KDN serta badan bebas yang lain terhadap keadaan dan persekitaran lokap atau pusat yang dikhususkan bagi menempatkan tahanan SOSMA?

Ketiga, aspek yang akan dilaksanakan rejuvinasi atau penambahbaikan oleh pihak KDN bagi mencapai objektif pelanjutan kuat kuasa subseksyen ini sekiranya ia diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan yang dinyatakan oleh KDN, sebanyak 1,149 tangkapan bagi kesalahan jenayah terancang di bawah SOSMA telah dibuat dari tahun 2015 hingga 2022. Daripada jumlah tersebut, hanya 813 orang tahanan yang dibawa ke peringkat pertuduhan, manakala 278 orang tahanan telah dibebaskan.

Boleh bagi lagi dua minit, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Angka bagi tahanan yang dibebaskan itu mengingatkan saya tentang kisah seorang bekas tahanan SOSMA yang telah dibebaskan pada tahun 2019. Menurut beliau, tekanan emosi yang didapati oleh tahanan SOSMA sangat tinggi sehinggakan ada dalam kalangan mereka menjadi gila. Pengalaman yang diceritakan oleh bekas tahanan SOSMA tersebut membuktikan bahawa layanan yang diberikan oleh anggota petugas terhadap tahanan SOSMA sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan. *There is no humanity but cruelty in the detention*, dengan izin. Lebih malang lagi, bekas tahanan yang berasal dari Kedah tersebut menceritakan bahawa pertuduhan yang dibuat ke atas beliau sangatlah tidak relevan.

■1450

Beliau ditahan atas kesalahan kononnya merekrut anggota pegganas walhal bekas tahanan yang mesra dipanggil Pak Teh itu bekerja sebagai pemasang kubah masjid sebelum dipenjarakan.

Selain fakta, seorang pemuda 20-an juga pernah ditangkap di bawah SOSMA hanya kerana menyimpan video perang di Syria. Pemuda tersebut diletakkan dalam tahanan SOSMA selama empat tahun, bermula daripada September 2016 hingga September 2020. Lebih menyayat hati pemuda tersebut mengadu kepada bapanya kerana mengalami sakit belakang akibat kekasaran yang diperlakukan kepadanya semasa dalam tahanan.

Pengalaman hitam yang dialami sendiri oleh kedua-dua tahanan tersebut jelas membuktikan bahawa kezaliman yang dilakukan terhadap tahanan SOSMA yang kita dengar selama ini adalah realiti dan bukannya fiksi.

Justeru, saya tidak nampak sebab rasional yang mengapa rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang lain masih ingin menyatakan sokongan terhadap lanjutan kuat kuasa tempoh tahanan selama maksimum 28 hari yang disebut dalam subseksyen 4(5) akta ini. Ada kita yang memikirkan nasib serta implikasi buruk yang bakal menimpa individu yang ditahan di bawah Akta SOSMA bagi tempoh yang cukup panjang tanpa sebarang pembelaan.

Berdasarkan kepada perangkaan KDN mengenai tahanan yang dibebaskan yang saya sebutkan tadi, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan pertama, apa justifikasi terhadap pembebasan yang dibuat ke atas 278 orang individu yang ditangkap di bawah kesalahan jenayah terancang SOSMA. Adakah ia disebabkan pembuktian yang tidak mencukupi atau faktor lain yang melibatkan *false arrest*, dengan izin, terhadap individu yang telah ditahan?

Kedua, apa bentuk sokongan yang disediakan buat isteri atau ahli kepada keluarga tahanan SOSMA lebih-lebih lagi isterinya hanya suri rumah dan tidak mempunyai sumber pendapatan lain, melainkan gaji suami dahulu.

Ketiga, apakah jaminan yang boleh diberikan terhadap tahanan SOSMA yang dibebaskan tanpa pertuduhan supaya mereka boleh kembali bekerja dan tidak terpalit dengan stigma negatif kepada masyarakat? Adakah masa hadapan mereka tidak terkesan dengan penahanan SOSMA yang dibuat, lebih-lebih lagi penahanan itu tidak dibawa kepada peringkat pertuduhan atau pendakwaan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk mengakhiri perbahasan dengan inti pati terakhir berkaitan kenyataan Ketua Polis Negara. Rentetan daripada penolakan majoriti Ahli Dewan Rakyat terhadap usul Yang Berhormat Menteri ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Panglima Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani telah menyatakan kesediaan tidak berbelah bagi PDRM untuk menggunakan akta-akta perundangan yang sedia ada bagi menyiasat jenayah yang dilakukan di bawah SOSMA.

Kenyataan dari KPN itu sudah cukup menzahirkan bahawa jenayah atau kesalahan yang berkaitan SOSMA boleh disiasat menerusi peruntukan yang digariskan dalam undang-undang yang sedia ada, termasuk Kanun Prosedur Jenayah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menutup tirai ucapan perbahasan, saya dengan rendah diri ingin menyeru rakan-rakan Ahli Dewan ini sekalian agar memikirkan semasak-masaknya sebelum memutuskan pendirian terhadap pelanjutan subseksyen 4(5) ini.

Tiba masanya bagi Dewan Negara disanjung atas kewibawaan yang ditonjolkan oleh Ahli-ahlinya yang mengetepikan representasi politik dalam soal perundangan negara. Sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi usul pelanjutan Subseksyen 4(5), Akta SOSMA. Saya dengan tegasnya tidak menyokong pelanjutan tersebut dibuat berdasarkan hujah yang saya kemukakan dalam perbahasan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah.

2.55 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu undang-undang yang mengehadkan kebebasan hak asasi seseorang individu sudah tentu mengundang kontroversi. Klausula yang kontroversial dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, SOSMA adalah klausula 4(5) yang memperuntukkan bahawa seseorang Polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penguasa Polis boleh menahan suspek sehingga 28 hari tanpa menghadapkan suspek ke mahkamah. Dalam tempoh penahanan tersebut dibimbangkan Polis bertindak kejam terhadap suspek termasuk mendera secara fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ada di depan kita pada hari ini merupakan pertembungan hak asasi individu dan hak orang awam. Hak Asasi berteraskan dua prinsip. Pertama, seseorang tidak boleh menghakimi kes dia sendiri. Kedua, seseorang individu berhak untuk didengar, diberitahu sebab tangkapan, dihadapkan di mahkamah tidak lewat daripada 24 jam setelah ditangkap dan setelah dituduh mahkamah, dibicarakan di mahkamah.

Manakala orang awam berhak diberi perlindungan daripada segi keselamatan-tugas dan tanggungjawab hakiki sebuah kerajaan untuk menentukan ketenteraman awam. Oleh yang demikian, satu imbalan ke atas kedua-dua kepentingan perlu dibuat.

Mendiang Lord Denning bermadah dengan izin, "*The freedom of the just man is worth little to him if he can be preyed upon by the murderer or the thief.*" Dengan erti kata lain saya singkatkan bahawa hak asasi seseorang individu tiada nilai jika tiada ketenteraman awam sehingga membolehkan dia dibunuh atau harta bendanya dicuri.

Adakah wujud mekanisme kawal dan imbang ke atas dua-dua kepentingan yang bercanggah ini? Kerajaan menyatakan tempoh 28 hari diperlukan untuk membolehkan pengumpulan bukti yang kukuh dan pengesanan rakan jenayah yang masih bebas. Jenayah-jenayah yang ditadbirkan melalui SOSMA merupakan jenayah-jenayah yang berat iaitu keganasan terancang, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, keganasan di luar negara dan membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Penjenayah makin sofistikated menggunakan teknologi digital, bergiat merentas negara dan mempunyai sekutu di negara-negara lain. Oleh itu, sudah tentu tidak dapat dinafikan memang rumit dan sudah tentu memakan masa untuk mengumpul maklumat yang kukuh untuk menuduh individu itu di mahkamah. Seperti mana kita sedia maklum untuk mensabitkan seseorang atas kesalahan jenayah, bukti ataupun keterangan yang dikemukakan hendaklah melampaui keraguan yang munasabah.

Pada pendapat saya, cabaran-cabaran yang luar biasa yang dihadapi oleh kerajaan dan oleh orang awam memerlukan langkah-langkah luar biasa, dengan izin, *extraordinary challenges calls for extraordinary measures*. Saya dapati seksyen 5(1)(b) yang membenarkan suspek ditahan untuk mendapatkan akses kepada pengamal undang-undang yang dipilihnya merupakan satu bentuk kawal dan imbang.

Mengikut peruntukan tersebut, pihak Polis tidak dibenarkan untuk melengahkan akses kepada pengamal undang-undang, tidak boleh melebihi daripada 48 jam setelah tangkapan dibuat. Selain itu seksyen 5(1)(a) juga mewajibkan Polis memberitahu waris *kadim* iaitu kerabat-kerabat dan ahli keluarga orang yang kena tahan dengan segera tentang penangkapan suspek.

Seksyen 4(6) pula membolehkan suspek dilepaskan sebelum tempoh penahanan berakhir dan peranti pengawasan elektronik boleh dipasangkan pada orang itu dengan kelulusan dari mahkamah. Tempoh pemasangan peranti elektronik hanya dibenarkan bagi baki tempoh- tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah subseksyen 5.

■1500

Berkaitan kekasaran Polis, saya berpendapat Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis jika diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada sesi Mesyuarat yang akan datang dapat memainkan peranan yang utuh untuk mempertingkatkan integriti, mengurangkan salah laku dalam kalangan Anggota Polis dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan Polis.

Saya percaya cadangan tindakan administratif sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di dalam Dewan baru-baru ini iaitu seperti memasang kamera litar bertutup (CCTV) di dalam lokap dan menyediakan pegawai perubatan swasta akan dapat membantu ke arah usaha untuk menentukan siasatan yang tidak melibatkan Polis *brutality*.

Dengan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyuarakan kebimbangan ke atas penyalahgunaan kuasa oleh Polis dalam tempoh tahanan 28 hari, saya yakin suara-suara ini menjadi *voices of conscience*. Suara yang boleh menyoal hati nurani Anggota Polis yang terbabit.

Perkara kedua, atas justifikasi bahawa *common good* tersebut adalah penting untuk memberikan pihak Polis masa yang mencukupi untuk mengumpulkan maklumat dan untuk mendakwa suspek, saya tidak ada halangan ke atas perlanjutan tempoh tahanan ini iaitu perlanjutan tempoh subseksyen 4(5) ini dengan mengambil kira ia adalah untuk tempoh selama lima tahun sahaja.

Jadi, kita akan melihat apakah tindak tanduk pihak Polis selepas perlanjutan ini diluluskan iaitu dalam tempoh lima tahun. Sepertimana yang saya katakan biarlah suara-suara kita yang telah disemadikan di dalam *Hansard* dan sebagainya menjadi *voices of conscience* kepada pihak Polis supaya mereka bertindak dengan lebih berhati-hati dan sentiasa menentukan mereka tidak bertindak secara kejam ataupun secara kasar terhadap tahanan-tahanan.

Lagipun Malaysia dalam usaha kita untuk menjadi negara maju, kita akan peka terhadap imej kita dalam kalangan masyarakat antarabangsa dan sudah tentunya kita akan menumpukan imej yang bagus yang menjadikan kita sebuah negara yang mematuhi *rule of law*. Saya percaya kita dalam platform, landasan yang baik ke arah membaikkkan lagi tata urus negara.

Jadi kebimbangan yang kedua, yang kerap kita dengar baik di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara merupakan kebimbangan para ahli politik bahawa mereka akan 'diviktimisasikan', mereka akan ditangkap di bawah SOSMA kerana mereka parti pembangkang. Kalau kita baca subseksyen tersebut tidak ada seorang pun yang kebal daripada SOSMA termasuk ahli politik. Akan tetapi apa yang telah dijamin di bawah SOSMA ini, seseorang itu tidak akan ditangkap semata-mata atas fahaman politiknya jika ia menjalankan aktiviti politiknya yang mengikut peruntukan undang-undang, mengikut rukun parti politik tersebut.

Akan tetapi seandainya seorang ahli politik tersebut menyokong, melibatkan diri dalam aktiviti *let say* jenayah terancang, keganasan dan sebagainya sudah tentulah dia pun patut jua ditangkap dan diuruskan di bawah SOSMA.

Bagi tempoh lima tahun ke depan, sepertimana yang saya nyatakan tadi, kita memberi kawal dan imbang ke atas tindakan Polis di bawah SOSMA dan itu pun lanjutan ini hanya untuk lima tahun sahaja dan saya harap kita akan melihat nanti perjalanan, bagaimana mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab di bawah SOSMA. Lima tahun lagi, bila sekiranya mereka hendak melanjutkan tempoh penguatkuasaan Subseksyen 4(5) ini, saya rasa wajar untuk Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menyokong.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perlanjutan tempoh ini untuk lima tahun. Kita kasi *chance* lah kata orang Sarawak... [Ketawa] Kepada pihak Polis untuk melakukan yang terbaik untuk ketenteraman awam. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah, atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.

3.06 ptg.

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul untuk melanjutkan subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, untuk tempoh lima tahun lagi.

SOSMA 2012 atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) dengan izin- *The Security Offences (Special Measures) Act 2012*, melibatkan empat kesalahan: kesalahan terhadap negara; jenayah terancang; penyeludupan imigran; dan keganasan di luar negara dan ia tidak digunakan untuk tujuan politik.

Dari tahun 2012 ataupun 2016 sehingga Januari 2022, terdapat sebanyak 3,717 orang individu ditahan. Daripada jumlah tersebut seramai 400 merupakan kumpulan pegganas, 321 sindiket penyeludupan manusia, manakala 1,838 perdagangan manusia, dan 1,030 jenayah terancang.

Selain itu, kes Jamalul Kiram yang berlaku di Sabah tidak lama dahulu pada tahun 2013 telah mengguna pakai akta ini yang mana terdapat sebanyak 551 orang individu, ditahan dan 31 orang individu dituduh, dan lapan daripadanya dihukum gantung sampai mati. Statistik yang saya bacakan tadi jelas menunjukkan bahawa jenayah dan kesalahan yang telah mengguna pakai SOSMA bukan kesalahan yang biasa-biasa tetapi kesalahan ini di bawah akta yang merupakan jenayah berat, jenayah terancang yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan kedaulatan negara tercinta kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham antara isu dibangkitkan oleh ramai Ahli Dewan iaitu isu Subseksyen 4(5) yang memperuntukkan bahawa seorang Pegawai Polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada Penguasa Polis boleh melanjutkan tempoh tahanan yang tidak lebih daripada 28 hari bagi maksud penyiasatan.

Akta ini dianggap zalim. Tempoh 28 hari dianggap terlalu lama. Saya menyokong untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa ini Subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA bagi tempoh 28 hari perlu dikekalkan dalam memberi ruang dan masa kepada pihak Polis melengkapkan Kertas Siasatan kes kesalahan keselamatan yang dilihat kini bersifat begitu rumit dan kompleks.

Jika kita perhatikan, tambah dengan faktor perkembangan teknologi yang sangat pesat, jenayah hari ini lebih bersifat kompleks dan terancang. Tempoh 24 jam tidak mencukupi untuk pihak Polis mendapatkan bukti. Sebenarnya tempoh 28 hari pun bagi saya tidak mencukupi kerana kes siasatan membabitkan kesalahan keselamatan terutama jenayah keganasan, jenayah terancang sebenarnya sangat rumit dan kompleks serta memerlukan masa dilengkapkan dengan mendapatkan keterangan daripada orang-orang yang ditahan, bagi mengumpulkan bukti berkaitan bagi tujuan pendakwaan termasuk- dan juga pengesahan rakan sejenayah yang masih bebas di luar.

Pihak Polis juga memerlukan masa terutamanya bagi meyakinkan saksi-saksi bagi memberikan penyata atau keterangan. Selain itu, hakikatnya pihak Polis hanya mempunyai 21 hari sahaja untuk membuat siasatan memandangkan kertas siasatan yang telah lengkap perlu diserahkan pada Jabatan Peguam Negara dalam tempoh seminggu sebelum 28 hari.

Saya ingin menyokong supaya SOSMA ini dilanjutkan kerana saya tidak mahu memperjudikan keselamatan dan kedaulatan negara kita.

■1510

Jika SOSMA tidak dilanjutkan, maka ia akan memberikan satu ruang kepada penjenayah dan pegganas bermaharajalela dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang cuba menyamakan dan mengelirukan Dewan dengan mengatakan SOSMA ini sama dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah dimansuhkan oleh kerajaan pada 22 Jun 2012. Walau bagaimanapun, kedua-duanya jauh berbeza. Namun, kita sedar atau tidak sedar, negara-negara maju seperti negara jiran kita Singapura dan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat sehingga kini masih menggunakan akta seumpama ISA.

Subseksyen 4(5), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) memberi keadilan kepada orang yang ditahan dengan mendapatkan hak daripada segi undang-undang. Terdapat peruntukan-peruntukan dalam SOSMA yang menghormati hak individu seperti dinyatakan oleh rakan saya sebentar tadi, termasuk Seksyen 5 iaitu membenarkan orang yang ditahan berunding dengan pengamal undang-undang pilihan mereka dan peluang jaminan sekiranya memenuhi kriteria.

Hal ini membuktikan SOSMA merupakan suatu akta yang memberi peluang dan hak yang cukup kepada tahanan dari sudut undang-undang. Bermaksud, mereka atau tahanan diberikan peluang untuk berjumpa dengan peguam dan kes-kes kesalahan keselamatan ini juga akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 24 Mei 2022, dahulu SOSMA ditolak di Dewan Rakyat. Sebanyak 14 orang individu yang terlibat dalam sindiket menjalankan aktiviti haram, pengedaran dadah dan penyeludupan senjata api ke negara jiran. Selain itu, 23 Jun 2022, seramai 27 orang ditangkap di bawah SOSMA atas kesalahan melibatkan kumpulan jenayah terancang, melakukan pengedaran dadah, pemerasan wang perlindungan, aktiviti judi atas talian dan menjalankan judi loteri haram. Pertengahan bulan Julai ini, terdapat 17 orang yang terlibat dalam kes penyeludupan migran dan juga banyak lagi jenayah yang berlaku dan ini menunjukkan perlunya kita mengguna pakai Akta SOSMA ini.

Justeru, saya dengan ini tidak mahu dan tidak ingin melanjutkan Usul ini. Saya bimbang jikalau masih lagi kita berbahas untuk tidak bersetuju Usul ini diluluskan, ia akan membantut dan membuntukan usaha PDRM dan saya kawatir mereka yang terlibat dalam jenayah-jenayah ini akan terlepas begitu sahaja. Saya ulang sekali lagi. Saya tidak mahu memperjudikan keselamatan dan kedaulatan negara kita. Demi kepentingan negara kita, Akta SOSMA ini perlu kita sokong.

Sekian sahaja daripada saya. Saya mohon menyokong akta ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

3.13 ptg.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, syukur *alhamdulillah* saya bangkit pada petang ini untuk turut sama mengambil bahagian dalam Majlis ini bagi membuat suatu ketetapan menurut subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya subseksyen 4(5) akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 31 Julai 2022.

Tuan Yang di-Pertua, awal mula, peta bermula. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas kegigihan mereka mengusahakan agar usul SOSMA ini dapat dibawa dan dibentangkan di Dewan kita ini.

Perbahasan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini telah membuka ruang dan juga mendedahkan pasukan Polis Diraja Malaysia kita kepada pelbagai teguran, kritikan dan celaan, waima sehingga ke peringkat wibawa mereka dipersoalkan. Saya tertarik bahawa semua ini saya anggap bersangka baik- *husnuzon* bahawa semua ini mahukan Pasukan Polis menjadi bertambah cekap lagi.

Akan tetapi, kita tidak dapat nafikan kejayaan mereka memastikan suasana aman adalah kerana adanya akta-akta seumpama ini. Kalau tidak ada akta ini, Polis tidak boleh bertindak. Sewenang-wenang penjenayah boleh melakukan apa sahaja mengikut kemahuan mereka dengan akta yang sangat sempit yang tidak membolehkan kita membendung kegiatan-kegiatan mereka.

Memanglah tidak sempurna sifat kita manusia biasa. Kita ada kekurangan. Umpama kulit, kita tidak sunyi daripada daki. Begitu jugalah dengan pasukan Polis. Mereka juga manusia biasa. Ada kalanya mereka tersilap. Ada kalanya mereka terbakar di hati, panas baran. Fasal apa? Fasal kalau tidak ada masa yang cukup untuk menjalankan siasatan, masanya terhad. Mereka bekerja dalam keadaan tertekan, dalam keadaan *tension*. Akan tetapi kalau diberikan ruang masa yang cukup 28 hari, merupakan ruang untuk mereka menggunakan budi bicara dan daya usaha.

Kita *dok* cerita fasal Polis bantai orang tetapi kita tidak pernah cerita tentang penjenayah yang hendak rosakkan rakyat dan negara ini. Ada kumpulan yang bukan sahaja merompak, ada kumpulan yang bukan sahaja melakukan kekacauan. Ada juga kumpulan-kumpulan ini terlibat dalam merosakkan anak dara orang, merogol dan sebagainya. Ini fasal tidak kena pada batang tubuh kita, tidak kena pada batang hidung kita. Jadi, bila Polis bertindak, Polis dianggap *brutal*, Polis dianggap kasar. Saya bukan hendak mempertahankan.

Ada saya akui. Ada juga kes-kes yang kita dengar sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi. Satu, dua kes, Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair. Saya tidak menolak. Akan tetapi tidak akan lah kerana satu, dua kes ini, maka, seluruh akta ini hendak kita bakul sampah kan. Tidak boleh. Ada juga kawan-kawan yang bangkit yang tidak mahu menyokong. Itu hak mereka. Saya tiada masalah. Akan tetapi saya menunggu juga jika ada satu akta yang lebih baik daripada SOSMA yang boleh dibentangkan di Dewan ini. Tidak ada juga. Saya tunggu sahaja jika 28 hari ini lama sangat. Kita kena tahan 27, setengah hari. Tidak ada juga.

Jadi, kita tidak ada pilihan sebenarnya. Dalam keadaan negara kita hari ini perlukan- kita perlu jaga rakyat, kita perlu jaga negara, kita perlu supaya rakyat teramai menikmati keamanan, maka akta ini perlu kita pertahankan. Saya tertarik dengan penangan yang dikemukakan oleh sahabat saya, Senator Dato' Arman bahawa SOSMA ini diwujudkan bagi menggantikan ISA. Walaupun untuk mengganti ISA daripada segi tujuan keselamatan tetapi benar-benar berlainan benar dengan ISA.

ISA tahan tanpa bicara 60 hari. Selepas 60 hari, Menteri Dalam Negeri boleh tahan hingga dua tahun. Habis dua tahun, Menteri Dalam Negeri boleh sambung lagi dua tahun. Tidak kunjung selesai. Kebanyakan yang kena memang kita tahu. Selain daripada mereka yang terlibat dengan subversif, juga ahli-ahli politik. Akan tetapi kerana kesedaran yang tinggi kepada kerajaan yang memerintah pada waktu itu, maka langkah berani dibuat menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan digantikan dengan SOSMA yang lebih teratur lagi. Tahanannya selama 28 hari. Tempoh 28 hari ini kita dengar pun sudah gerun. Apatah lagi penjenayah. Penjenayah dengar gerun.

■1520

Jadi, gerun itu yang penting supaya onar tidak berlaku, kekacauan tidak berlaku. Ini kalau tahan selama dua hari, siapa yang gerun, tidak ada gerun apa, dua hari okey, macam duduk hotel sahajalah, tidak ada apa. Ini 28 hari duduk lokap, jangan main-main. Saya pernahlah dahulu Reformasi punya zaman kena lokap, duduk selama empat hari, jangan main-main empat hari. Ini selama 28 hari.

Jadi, saya minta ISA bezanya 60 hari, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh tahan selama dua tahun. SOSMA ini 28 hari, jika ada kes bawa ke mahkamah, jika tidak ada kes, tidak payah bawa. Disebut tadi sebanyak 3,000 kes yang didakwa di mahkamah- 600 maknanya Polis menyiasat, betul lah, tidak ada kes tidak payah dakwa. Akan tetapi, dalam 28 hari itu siasatan perlu dibuat. Siasatan dibuat, saya tidak percaya Polis memukul- ini, tetapi tidak tahulah kawan-kawan kata ada dapat aduan kena pukul. Orang tidak pernah mengadu, orang mengadu- yang orang beritahu saya, dalam lokap ini okey, makan cukup, dapat makan, dapat sembahyang, dapat mandi- yang itu saya dengarlah.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya minta supaya- saya setuju supaya akta ini dikaji setiap lima tahun sekali di Dewan Rakyat, dan dibawa ke Dewan Negara untuk diluluskan.

Saya tertarik satu lagi, tidak ada seorang pun dalam kalangan kita di sini yang boleh menafikan bahawa, dengan adanya akta SOSMA ini, jenayah terancang di negara ini dapat dibendung.

Jadi, sebelum saya melanjutkan- hendak ambil masa sedikit sahaja lagi ini. Saya tertarik tadi bahawa- saya hendak betulkan sahabat saya Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying dia beritahu, dia kata pada zaman BN dan PN ini, SOSMA ini digunakan sewenang-wenangnya. Saya hendak beritahu, saya bekas Setiausaha Politik kepada Mantan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang memimpin Pakatan Harapan pada waktu itu.

Pakatan Harapan bincang dalam Kabinet, tetapi tidak pernah sekali pun bawa perkara ini ke Dewan Rakyat apatah lagi di Dewan Negara ini untuk di- kalau SOSMA ini tidak bagus waktu itu lagi. PH pernah memerintah selama 22 bulan. Tempoh selama 22 bulan, tidak pernah pula digunakan untuk membuang akta ini. Sepatutnya 22 bulanlah, kalau akta ini tidak bagus. Bukan 22 hari memerintah- selama 22 bulan, tetapi tidak ada buat apa-apa dan akta ini terus ada sampai sekarang.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyokong pandangan daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya supaya Kementerian Dalam Negeri, kerajaan mempertimbangkan semula kewujudan *task force* 'pasukan tindakan khas anti maksiat, judi dan gengsterisme'; 'pasukan khas taktikal narkotik'; dan 'pasukan khas jenayah terancang'. Ini kerana, ketiga-tiga *task force* pasukan khas ini boleh memperkukuhkan lagi akta yang kita bincang pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan- saya mohon menyokong, *sorry*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip atas perbincangan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

3.24 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian.

Pada petang ini kita ingin melihat usul untuk melanjutkan tentang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, (SOSMA) [Akta 747], sering kali kita lihat kesamaannya dengan ISA. Sebenarnya perkara ini telah jelas dibincangkan bahawa tidak ada kesamaan langsung antara SOSMA dan ISA ini dan ramai kawan dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengulas dan mengupas tentang subseksyen-subseksyen yang perlu kita pertahankan, yang diperlukan untuk memastikan SOSMA ini dapat dilanjutkan.

Dalam banyak perbincangan yang telah kita dengar, ramai juga di kalangan kawan-kawan membaca tentang surat, tentang penceritaan kisah benar yang ditahan oleh SOSMA dan sebagainya. Memang ada tentang perikemanusiaan, keadilan terhadap seseorang tahanan itu dan keluarganya. Namun yang demikian, kita jangan mudah terpengaruh dengan kata-kata benar, pengalaman-pengalaman mereka yang telah ditahan di SOSMA.

Akan tetapi, berilah keadilan secara lebih luas bahawa keadilan juga perlu diberi kepada mangsa, kepada keluarga, kepada individu dan kepada harta benda yang telah rosak, yang telah terbunuh disebabkan menjadi mangsa. Keadilan inilah yang amat kita perlukan. Jangan sahaja mereka yang ditahan, tetapi yang menjadi mangsa perlu kita ketahui rintihan mereka, inilah perlunya akta SOSMA ini dilanjutkan. Walaupun sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat memujuk dan merayu kepada kita supaya memikirkan semula supaya ia tidak diterima demi keadilan.

Apa yang perlu kita tekankan di sini bahawa, akta ini amat penting bagi memastikan negara kita terlindung daripada perbuatan-perbuatan jenayah. Kes-kes jenayah yang diletakkan di bawah SOSMA ini bukan sahaja kes yang ringan, tetapi ia merupakan rangkaian yang benar-benar- kumpulan yang terancang, yang ramai, yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada negara. Itu perkara yang perlu kita ketahui. Kita tidak mahu negara kita dituduh sebagai pusat *terrorist*, sebagai pangkalan membawa orang-orang salah dan sebagainya.

Oleh sebab itulah SOSMA ini amat perlu untuk memastikan kerajaan kita mengatasi masalah keselamatan negara ini dengan sempurna, supaya keselamatan negara kita amat terjamin. Ini perkara keadilan, keadilan perlu diberi kepada seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan perlindungan dan keselamatan.

Namun yang demikian, sudah tentu banyak perkara yang kita dengar, kita pun tidak boleh menafikan keadilan kepada yang kena tuduh dan kena tahan. Namun yang demikian, sebagaimana yang sahabat saya nyatakan, iaitu Polis juga manusia biasa. Mereka juga tertakluk kepada perkara-perkara, prosedur-prosedur yang perlu kita patuhi, yang mereka perlu jalankan. Apa yang perlu kita buat adalah untuk memastikan SOP yang ditentukan dalam akta ini dipatuhi. Bukan kita menolak sama sekali untuk melanjutkan SOSMA ini.

Ini adalah satu yang tidak adil, kalau kita terus menolak SOSMA dengan hanya satu, dua kes yang melibatkan orang yang kita kenal, yang melibatkan mereka yang kita perlu selamatkan. Akan tetapi, secara keseluruhan akta ini amat penting, sebab itulah pada hari ini kita harus bersepakat dan bersetuju untuk melanjutkan tempoh SOSMA ini lima tahun akan datang kerana ini penting, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan kita perlu juga mengharap kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memperkemas, supaya mencari langkah-langkah untuk memastikan tidak ada lagi perkara-perkara yang tidak mengikut prosedur dan perkara-perkara kecuaiian yang berlaku dalam tahanan SOSMA ini.

Ini yang perlu kita tuntut untuk membaiki, untuk mengemas kini dan memastikan kerja kita lebih efisien, bukan kita menolak akta SOSMA ini. Oleh sebab itulah saya juga menyeru ataupun mengharap kepada Kementerian Dalam Negeri supaya boleh menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang dibuat di bawah akta SOSMA ini. Berapa banyak kes yang telah diselesaikan supaya kita boleh tahu bahawa SOSMA ini sebenarnya telah memberi kejayaan untuk menyelesaikan kes-kes yang lebih besar, yang peri mustahak dan banyak menyelamatkan nyawa di negara kita.

■1530

Oleh sebab itulah, kalau boleh pihak kementerian menjelaskan, berapa banyak kes yang telah kita berjaya, kes yang bagaimana yang dapat diselesaikan? Bagi meyakinkan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa SOSMA atau akta ini amat penting untuk kita pertahankan.

Yang kedua, saya juga merayu supaya satu buah badan pemantauan perlu ditubuhkan untuk memastikan setiap tahanan SOSMA ini diberi hak yang sesuai dengan keperluan mereka dalam tahanan. Begitu juga hal keluarga mereka. Keluarga ini perlu diberitahu dan dibantu untuk memastikan keluarga mereka juga mendapat hak yang sama.

Itulah saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun ada sesetengah tadi supaya kita memikirkan sekali lagi untuk menolak SOSMA ini tetapi saya juga ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berfikir semula.

Walaupun ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menjelaskan pendirian untuk menolak tentang akta ini, tetapi apa yang kita perlu, kita kena lihat semula bahawa keadilan itu bukan sahaja kepada orang yang kena tahan, keluarga yang kena tahan, tetapi keadilan itu kena lebih luas. Kita sayang akan negara, masyarakat, dan komuniti kita, maka sebab itu kita perlukan negara kita sentiasa berada dalam keadaan yang aman damai, barulah kita boleh mencari makan di tanah air kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya berpendirian supaya tempoh SOSMA ini dapat dilanjutkan. Sekian, dengan itu saya memohon untuk usul ini diterima. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian.

3.32 ptg.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: *Bismillahi Rahmani Rahim.* *Assalamualaikum,* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Salam sejahtera. Kita sedia maklum bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dilakukan bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman awam, keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. SOSMA juga memperuntukkan langkah-langkah khas berhubungan dengan kesalahan keselamatan dan digubal untuk membendung aktiviti seseorang atau kumpulan yang mahu mengguling atau melemahkan negara, apatah lagi dunia hari ini berhadapan dengan ancaman-ancaman baharu yang merentas sempadan.

Perkara yang dianggap ancaman di bawah SOSMA, antaranya ialah yang menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu, membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong, memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, mendapatkan perubahan selain dengan cara yang sah apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang dan Parlimen berpendapat bahawa adalah perlu tindakan itu dihentikan.

SOSMA yang telah berkuat kuasa sejak 22 Jun 2012 turut menyediakan langkah-langkah khas bagi menangani ancaman kedaulatan negara dan mengekalkan ketenteraman awam berikutan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebelum ini.

Oleh itu, lanjutan penguatkuasaan subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) bagi mengekalkan tempoh tahanan 28 hari yang diluluskan menerusi undi belah bahagi di Dewan Rakyat adalah sangat tepat dan betul demi mengekalkan kesejahteraan rakyat negara ini. Dengan ini, subseksyen berkenaan yang terus berkuat kuasa selama lima tahun lagi selepas tarikh tamatnya pada 31 Julai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini banyak telah kita lihat bahawa pelaksanaan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747] telah sering dikecam oleh beberapa pihak kerana didakwa zalim. Ia malah disamakan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah dimansuhkan oleh kerajaan pada 22 Jun 2012.

Namun, hakikatnya banyak negara lain seperti Singapura dan Amerika Syarikat hingga sekarang masih menguatkuasakan akta seumpama ISA. Kita juga perlu maklum bahawa SOSMA sebenarnya sangat berbeza dengan ISA kerana prosedur-prosedurnya yang lebih ketat dan tidak boleh digunakan untuk membuat tahanan politik. Ini terkandung dalam Subseksyen 4(3) yang menyebut, "*Tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya*".

Selain itu, mengikut subseksyen 4(9), Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan itu hendaklah mengemukakan Kertas Siasatan kepada Pendakwa Raya pada hari ke-21 tahanan ditahan. Ini bermakna pihak Polis sebenarnya mempunyai masa yang pendek iaitu 20 hari sahaja untuk membuat siasatan di mana tahanan ada akses kepada peguam dan selepas itu mereka akan dibicarakan di mahkamah terbuka.

Ini jauh berbeza daripada ISA di mana tempoh tahanan yang dibenarkan selama 60 hari, mereka tidak ada akses langsung kepada peguam dan selepas itu perintah tahanan dikeluarkan tanpa bicara.

Subseksyen 4(11) juga menyebut subseksyen 4(5) hendaklah disemak tiap-tiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika suatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan tersebut.

Inilah yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang telah pun mengusulkan di Dewan Rakyat pada 23 Mac lalu mengenai perlanjutan kuat kuasa subseksyen 4(5) bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai.

Bagaimanapun, Usul yang penting sekali untuk keselamatan negara ini ditolak setelah ia hanya memperoleh 85 undi yang menyokong, berbanding 86 yang menolak, manakala 50 Ahli Parlimen tidak hadir. Bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah bin Zainudin telah bertindak mengemukakan Usul untuk membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat bertarikh 23 Mac bagi membolehkan ia dibentangkan semula baru-baru ini.

Dengan ini, saya percaya langkah yang telah dilakukan oleh Menteri KDN adalah bertepatan kerana kesalahan yang ada dalam Jadual Pertama SOSMA adalah jelas merupakan kesalahan-kesalahan besar yang melibatkan kesalahan-kesalahan keselamatan dan mustahil boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam seperti kes-kes jenayah lain dalam Kanun Keseksaan.

■1540

Siasatan kes-kes keselamatan adalah rumit dan memerlukan masa untuk dilengkapkan terutamanya bagi mendapatkan keterangan daripada orang yang ditahan dan bagi mengesan rakan-rakan sejenayah yang masih bebas. Siasatan kes terutamanya bagi keganasan yang bersifat rentas sempadan memerlukan bantuan bersama dalam perkara jenayah dari luar negara. Ini memerlukan masa yang lama.

Maka dengan ini, perlanjutan tempoh kuat kuasa adalah signifikan bagi siasatan kes-kes yang melibatkan aspek teknikal dan saintifik serta turut memerlukan masa dan ketelitian. Oleh sebab itulah semua pihak seharusnya mengetepikan perbezaan fahaman politik dan sentimen parti ataupun peribadi untuk menyokong sepenuhnya usul ini bagi memastikan keselamatan rakyat dan negara tercinta ini akan terus dapat dipelihara. Oleh itu, saya menyokong usul ini agar diluluskan oleh Dewan Negara.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz sebagai pembahas yang terakhir. Dipersilakan.

3.42 ptg.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW]*

Rakan-rakan dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang turut memberi ruang kepada saya bagi membahaskan usul Rang Undang-undang Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang masih berada di dalam Dewan sehingga kini.

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang menuju menjadi negara maju sudah tentulah terdedah dengan pelbagai cabaran. Antara cabaran-cabaran yang paling membimbangkan masyarakat ialah kes-kes yang melibatkan ancaman kepada keselamatan negara. Seiring dengan kepesatan ekonomi, kejadian jenayah pada hari ini

semakin kompleks dan ditambah lagi dengan kelicikan serta modus operandi penjenayah-penjenayah yang semakin mencabar tugas pihak penguat kuasa.

Selaras dengan itu, jika kita amati perkembangan semasa dunia dan negara, keselamatan merupakan satu subjek ataupun perkara fokus menjadi tumpuan dan menjadi satu perkara yang ditangani oleh semua negara dalam dunia ini dari semasa ke semasa. Oleh sebab ancaman kepada keselamatan boleh merebak hanya dengan di hujung jari, undang-undang yang lebih mantap dan bersifat pencegahan amatlah diperlukan. Kita memerlukan undang-undang mencegah bukan sahaja undang-undang yang menghukum dalam bentuk jenayah biasa. Apa yang pasti hal-hal yang melibatkan keselamatan negara ini tidak boleh dipandang ringan oleh sesiapa pun. Malah, kita bertanggungjawab untuk melindunginya.

SOSMA dan ancaman keselamatan adalah saling berkaitan. Secara umumnya, undang-undang ini diwujudkan bagi menyediakan langkah-langkah khas, dengan izin, *special measures* yang boleh diambil dalam menangani apa-apa kes yang memberi ancaman kepada keselamatan negara. Menjaga keselamatan dan kedaulatan negara merupakan tanggungjawab bersama. Jika dilihat secara rasional, ia bertindak sebagai pemudah cara selain mampu untuk mematahkan apa jua rancangan yang sedang disusun mungkin untuk tujuan keuntungan perniagaan tetapi sebenarnya yang lebih penting ia juga boleh mengancam keselamatan negara dan masyarakat umum khususnya.

Perlu ditekankan bahawa SOSMA merupakan undang-undang prosedur yang bertujuan menyediakan langkah-langkah khas bagi memudahkan proses penyiasatan serta pendakwaan. Ia bukanlah undang-undang yang memperuntukkan kesalahan dan sebarang hukuman seperti kanun keseksaan. Seseorang itu tidak didakwa melakukan kesalahan di bawah SOSMA.

SOSMA merupakan undang-undang yang memperuntukkan prosedur, kaedah keterangan dan kuasa pihak yang berkuasa apabila ia berkaitan dengan apa yang dipanggil sebagai kesalahan keselamatan. Kesalahan keselamatan itu tidaklah terhad kepada aktiviti keganasan semata-mata. SOSMA menekankan bahawa kesalahan keselamatan dalam peruntukan akta itu tidak terhad kepada aktiviti keganasan dan penganas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan keselamatan merupakan kesalahan yang tersenarai dalam Bab 4, Kanun Keseksaan (Kesalahan-kesalahan Terhadap Negeri), dan Bab 6A, Kanun Keseksaan iaitu kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan. Senarai ini telah diperluaskan pula kepada Bab 6B iaitu Kanun Keseksaan iaitu termasuk jenayah terancang dan juga kesalahan di bawah Bahagian 3A, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Kita melihat bahawa undang-undang ini sebagai undang-undang yang wajar dengan kehendak hari ini. Penyiasatan SOSMA yang bersifat mencegah ini bukan sahaja untuk melengkapkan penyiasatan yang akan membawa kepada pertuduhan di mahkamah tetapi ia harus dilaksanakan untuk membanteras dan yang penting mungkin boleh melumpuhkan seluruh struktur dan juga kemampuan kewangan sesuatu organisasi yang terlibat.

Menyentuh berkenaan Subseksyen 4(5). Orang yang ditangkap dan ditahan mengikut subseksyen 4(4) itu boleh bagi tujuan siasatan dilanjutkan penahanannya untuk tempoh 28 hari oleh mana-mana Pegawai Polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Penguasa Polis. Memandangkan SOSMA ini merupakan undang-undang berkaitan kesalahan keselamatan dan bukannya tertakluk kepada jenayah biasa, tempoh 28 hari ini dilihat suatu tempoh yang sesuai bagi pihak Polis menjalankan siasatan terhadap hal-hal berkaitan.

Sekiranya seseorang yang ditahan atas hal menggugat keselamatan negara hanya ditahan dan disiasat dalam tempoh 24 jam, bagaimanakah boleh pihak Polis berupaya mendapatkan bahan bukti yang mencukupi sebelum melanjutkan kes ini ke mahkamah? Selain itu, memandangkan hal-hal berkaitan keselamatan negara merupakan kes yang berat, maka perlu ada ciri-ciri kelangsungan atau *continuity*, dengan izin, dalam siasatan berkenaan.

Justeru, tempoh 28 hari yang membenarkan pihak Polis untuk menganalisis dan menyiasat secara menyeluruh melalui risikan yang lengkap dan terperinci. Tempoh ini merupakan tempoh yang sesuai untuk mengendalikan siasatan.

Siasatan yang menyeluruh memerlukan perkongsian maklumat mungkin antara jabatan atau agensi kerajaan umpamanya Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, agensi-agensi lain seperti Bank Negara Malaysia dan juga syarikat telekomunikasi. Tempoh 28 hari juga rasional sekiranya kes-kes yang berkaitan seperti pemerdagangan manusia ini melibatkan warga asing kerana pengesahan identiti mereka ini diperlukan dari negara asal. Proses ini semestinyalah mengambil masa yang agak lama.

Secara zahirnya, Subseksyen 4(5) ini mencatatkan bahawa pihak Polis mempunyai tempoh 28 hari untuk menahan mana-mana pihak bagi tujuan siasatan. Namun jika diteliti, pihak Polis hanya mempunyai sekitar 21 hari untuk melengkapkan siasatan dan hendaklah merujuk kepada pertimbangan Pendakwa Raya tujuh hari sebelum tamat tempoh 28 hari tahanan.

Namun begitu, subseksyen 4(5) ini masih terikat dengan *Sunset Clause* iaitu setiap lima tahun penguatkuasaan akta Subseksyen 4(5) ini perlu disemak dan diluluskan oleh kedua-dua Dewan di Parlimen seperti mana yang kita sedang bahaskan ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, SOSMA 2012 yang telah pun dilaksanakan sebelum ini telah mencatatkan pelbagai kejayaan. Antaranya contohnya seperti kes di Lahad Datu, begitu jugalah kes-kes yang melibatkan kem pendatang tanpa izin di Wang Kelian, Padang Besar. Terdapat penemuan 139 buah kubur dan sebagainya. Begitu juga apa yang berlaku dengan Geng 24 di Pulau Pinang dan kumpulan 360 Devan, dan sebagainya.

Justeru, saya ingin merangka persoalan sebagai satu soalan kepada Kementerian. Sejauh mana tahap keselamatan negara kita ketika ini walaupun kita ada SOSMA berkaitan dengan keselamatan global yang mungkin melibatkan negara kita? Antaranya perkara-perkara yang melibatkan keselamatan, ancaman keselamatan militan seperti Daesh dan juga LTTE.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar ada beberapa pihak sering menjadi juara kepada isu-isu berkaitan hak asasi manusia. Pada pandangan saya, setiap akta yang dibuat adalah untuk *masalah* umum. Bukan untuk kelompok-kelompok tertentu. Dalam konteks ini, kepentingan keadilan adalah untuk masyarakat sejagat, masyarakat yang lebih luas diutamakan daripada pembelaan terhadap golongan tertentu yang memang sudah mengetahui prinsip sebab dan akibat melakukan sesuatu kesalahan.

Sekiranya, kita sedar bahawa kita buat sesuatu kesalahan dan kita tahu kita akan didakwa, maka kenapa harus kita melakukan kesalahan tersebut dan melibatkan- yang boleh menyebabkan ancaman keselamatan kepada semua pihak yang terlibat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan saya menyokong usul ini supaya ia dilanjutkan lagi untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, dan dengan itu selesai perbahasan yang disenaraikan petang ini.

Dengan segala sukacita dijemput Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan.

3.52 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini pertamanya untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Terutamanya, mereka yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Usul yang telah saya bentangkan pagi tadi.

Daripada pemerhatian saya, saya mendengar hampir semua, mungkin ada satu, atau dua orang sahaja masa berbahas, saya tiada dalam Dewan. Maklum sahajalah- saya manusia biasa terpaksa keluar, ada perkara-perkara yang saya harus lakukan.

Akan tetapi, keseluruhannya saya dapati kefahaman semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747] ini dan peraturan-peraturan, merupakan sesuatu yang saya fikir amat tinggi kefahamannya. Jadi, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua... [Tepuk]

Walaupun begitu, ada juga dua atau tiga orang Ahli Yang Berhormat yang cuba mempersoalkan daripada segi keadilan, daripada segi *rules of law*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *rules of evidence*. Ini sesuatu yang dibangkitkan seolah-olah apa yang kita lakukan ini tidak adil.

Saya ingin jelaskan di sini, SOSMA ialah suatu akta yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, yang sebenarnya kita dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri membenarkan. Saya menggunakan ayat ini, membenarkan Parlimen menggubal undang-undang bagi menentang perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam yang bertentangan dengan hak asasi di bawah Perkara 5, Perkara 9, Perkara 10 dan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

Ini kena jelas. Oleh sebab ada yang berkata, "*Ini melanggar Perkara 5*". Betullah. Akan tetapi, dia membenarkan. SOSMA ialah sesuatu undang-undang yang memperuntukkan prosedur-prosedur yang khas bagi menangani kesalahan keselamatan dan bukannya kesalahan biasa. Bukan perkara yang biasa-biasa yang dibangkitkan. Walaupun kadang-kadang contoh-contoh yang diberikan pembunuhan, yang *murder case*, boleh bawah akta yang lain. Itu bab lain.

Ini kesalahan yang telah pun saya baca dengan jelas tadi bahawa kesalahan-kesalahan yang kita buat semata-mata untuk kita pastikan kesalahan Jadual Pertama SOSMA itu telah pun termaktub dalamnya iaitu saya sekali lagi baca supaya yang tidak berapa faham itulah. Mereka faham tidak apalah.

- (i) Bab VI - Kesalahan Terhadap Negara, ini kesalahan yang besar;
- (ii) Bab VIA - Kesalahan Berhubungan Dengan Keganasan;
- (iii) Bab VIB - Jenayah Terancang;
- (iv) Bab IIIA - Penyeludupan Migran; dan
- (v) untuk Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara.

Jadi, perlu kita ingatkan. Saya hendak ingatkan kepada semua, bahawa SOSMA bukan sahaja yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan ini kerana apabila kita benarkan banyak lagi, terdapat akta lain yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan seperti Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas, Akta Pencegahan Jenayah 1959, dan Akta Pencegahan Keganasan. Ini adalah Perkara 149, yang mana diingatkan bahawa bukan SOSMA sahaja, yang ini juga telah pun kita guna pakai.

Walaupun SOSMA digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan, SOSMA masih mempunyai peruntukan hak asasi individu. Banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Saya ucapkan syabas dan tahniah kerana membangkitkan bahawa sebenarnya memang betul. Hak asasi individu antaranya seperti seksyen 5, SOSMA. Ada tadi, saya tidak ingat Yang Berhormat mana. Saya akan tengok semula.

Akan tetapi, memang ada yang mengatakan seksyen 5, SOSMA memperuntukkan hak kepada suspek untuk dimaklumkan sebab tangkapan. Ada! Kita tangkap dan kita maklumkan kepada dia sebab apa.

Kemudian, hak suspek untuk berjumpa peguam. Ada! Ada dalam akta itu sendiri dan hak untuk dimaklumkan kepada waris Kadim juga ada. Selain itu, suspek juga diberikan hak untuk dibicarakan di mahkamah di bawah seksyen 12, SOSMA. Ada yang kata tidak bawa mahkamah lah. Tidak bawa itu dalam tempoh 28 hari. Selepas 28 hari, kita bawa. Memang telah pun ada dalam akta itu. Mengapakah dipersoalkan seolah-olah kita zalim sampai tidak dibicarakan? Tidak. Kesemua akta yang digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan ini telah pun melalui proses demokrasi berparlimen, apabila dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan satu, demi satu, fasal demi fasal, oleh semua Yang Berhormat dan diluluskan oleh kedua-dua, Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen.

Kemudian, ada yang mengatakan- jadi saya hendak jelaskanlah tentang *rules of evidence*. Perbicaraan kes di bawah SOSMA memerlukan tahap pembuktian kes kesalahan keselamatan mesti dibawa ke Mahkamah Tinggi. Jadi, bila SOSMA di Mahkamah Tinggi juga adalah masih sama dengan kes kesalahan yang menggunakan prosedur di bawah Kanun Tatacara Jenayah (CPC) iaitu- saya kena jelaskan, iaitu melampaui tahap keraguan munasabah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *beyond reasonable doubt*.

■1600

Jadi tidak timbul lah yang mengatakan, apa ini boleh disalah gunakan. Jadi, saya tadi bila ada yang mengatakan mengapa tidak kita gunakan sahaja seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah. Kita kena faham di sini, Tuan Yang di-Pertua mungkin ada dalam Dewan ini mereka yang menjadi peguam. Dia tahu bahawa bila kita gunakan seksyen 117, Kanun Tatacara Jenayah ini, banyak perkara yang boleh menyebabkan siasatan yang dilakukan itu nanti menjadi siasatan yang agak ada bermasalah.

Jadi saya hendak bagi contoh. Kalau seksyen 117, bila kita reman selepas 24 jam, kita bawa kepada Majistret. Katalah kesalahan yang kita tangkap di bawah jenayah terancang. Saya hendak cuba bincangkan di sini. Jenayah terancang, maknanya ramai yang kita tangkap ataupun di Tanduo, Lahad Datu. Ramai kita tangkap dan selepas 24 jam kita bawa. Apa yang penting yang terancang ini kita tidak mahu mereka duduk sama-sama supaya tahu jawapan saya macam mana, engkau pun ikut semua sama. Kita tidak mahu mereka berpakat ini.

Jadi bila kita sudah bawa mereka, hendak reman selepas 24 jam, ini akan menyebabkan ada cacatnya nanti. Jadi kecacatan itu apabila mereka juga ada peguamnya di situ, tahanan-tahanan yang lain. Maka apa yang mereka telah lakukan itu nanti boleh menyebabkan yang kita hendak adalah untuk menangkap seperti yang saya katakan tadi, jenayah terancang ini kita hendak *the number one*. Kalau cerita Don Corleone itu cerita *Mafia, God Father*. Tuan Yang di-Pertua ingat cerita *God Father* bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Marlon Brando.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Oh, Marlon Brando. Yang kita hendak tangkap itulah dia, *the chief*. Yang susahnyanya nanti adalah kerana bila sudah kita bawa ramai-ramai ini menyebabkan nanti segala apa yang kita hendak kerahsiaan untuk menentukan mereka tidak dapat bertemu dan mengeluarkan cara-cara hendak menjawab ini, tidak boleh digunakan nanti.

Oleh sebab itu kita tidak mahu buat dalam masa yang terdekat. Akan tetapi dalam masa 48 jam, ada juga dalam akta ini 48 jam, tidak apa, engkau hendak peguam mana, cakap. Kalau hendak kan peguam yang dilantik oleh kerajaan pun boleh, terpulang. Dalam waktu yang sama, kita maklumkan kepada waris kadim, siapa dia. Kita bagi tahu sama ada kepada isterinya. Kalau dia tidak ada isteri, belum berkahwin, ibu bapanya. Itu kita maklumkan.

Jadi di mana kezalimannya? Tidak ada zalim sebab kita memaklumkan kepada dia, ini kesalahan engkau, sebab itu kami tangkap atas kesalahan itu. Kemudian, siasatan diperlukan dalam masa 48 hari. Bila kita hendak lakukan siasatan dalam masa 48 'hari' ini... *[Disampuk]* Selepas 48 jam. Minta maaf, '48 hari'- marah orang. Tersusul sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebab bila sudah tua ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara lima itu biasa kita lupa juga.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebab terlampau sejuk, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Dewan ini betul-betul sejuk sangat. Dalam masa 48 'hari' itu, kita sudah maklumkan kepada semua... *[Disampuk]* Hum... 48 jam tadi, *masya-Allah*. Apa jadi saya ingat sudah.....

Tuan Yang di-Pertua: Kasi turun sikit dingin itu... *[Ketawa]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Dalam masa 48 jam tadi, selepas itu kita benarkan ada peguam dan kita sudah maklum semuanya, siasatan diteruskan. Bukan maknanya sudah habis, siasatan diteruskan. Jadi kadangkala peguam datang hendak jumpa balik semula. Atas budi bicara Polis, dia kata okey, boleh datang lagi. Katalah selepas seminggu peguam datang. Kalaulah mereka kata tiga hari pun dah kena balun, Polis sudah balun, empat hari sudah balun, lima hari sudah balun. Hari yang ketujuh peguam datang, tidak akan lah dia tidak cakap dengan peguam. Peguam, saya hendak maklumkan saya sudah kena balun cukup-cukup. Buatlah laporan.

Inilah masalah kita ini. Kita banyak cerita, dengar cerita yang bukan-bukan. Padahal apa yang berlaku hari ini, daripada banyak kes SOSMA ini ada, bukan saya kata tidak ada, ada. Laporan diterima. Akan tetapi tidaklah banyak. Ada, tetapi tidaklah banyak seperti yang dikatakan oleh mereka yang tidak bersetuju untuk meneruskan akta ini. Seolah-olah kalau tangkap sepuluh, sembilan kena pukul. Satu sahaja yang tidak kena pukul. Sebenarnya daripada banyak 500, tidak sampai pun lima yang kena pukul. Kalaupun ada kena. Kalaupun ada kena seksa. Sebab laporan yang kita terima amatlah kecil sekali dibandingkan dengan tahanan yang kita lakukan.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Saya hendak minta penjelasan. Jadi Yang Berhormat Menteri, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, maknanya Yang Berhormat Menteri tidak menafikan bahawa ada kes pukul semasa dalam tahanan SOSMA ini. Saya hendak memohon penjelasan itu.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak maklumkan saya tidak kata kalau ada laporan yang menyebabkan, ada. Memang saya kata tetapi sama ada ia cedera, kena pukul ataupun cedera sebab lain. Bila kita buat siasatan, laporan dia kata, saya kena pukul. Akan tetapi bila buat siasatan, baru-baru ini ada satu kes.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Satu kes, laporan sudah dikatakan bahawa dia cedera kena pukul. Bila kita siasat balik semula Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dia mengaku bukan dia kena pukul. Bila dia hendak mengelak, kadang-kadang maklum sahajalah sudah panas baran kah, apa kah. Polis ini pun, macam itu, dia hendak mengelak, kena dinding kah ataupun kena kerusi. Macam itulah lebih kurang.

Jadi adakah itu kena pukul atau mengelak daripada kena pukul atau bagaimana, tetapi ada laporannya. Ini yang saya katakan, laporannya kata kena pukul. Akan tetapi bukan dia kena pukul. Saya tidak kata dia kena pukul, laporan dia kena pukul. Itu laporan yang dibuat. Saya tidak pun mengatakan betul, *confirm* dia kena pukul. Yang Berhormat kena faham di sini. Laporan kena pukul dengan sama ada dia betul-betul kena pukul, lain.

Jadi sebab itu saya hendak maklumkan di sini bahawa bila kita adakan ini adalah semata-mata prosedur untuk kesalahan yang saya sudah kata tadi, kesalahan yang besar-besar ini. Ada yang mengatakan bahawa contoh tadi dikatakan guna untuk kepentingan politik.

Saya- beginilah, di Dewan Rakyat pun saya sudah buat satu janji bahawa selepas ini kita akan tengok semula untuk memberikan penambahbaikan. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang bahas tadi mengatakan apa salahnya KDN- tengok semula penambahbaikan daripada prosedur siasatan yang dilakukan. Saya hendak maklumkan di Dewan Rakyat semalam pun saya sudah bagi tahu bahawa pindaan harus ada. Bukan kata tidak payah, tetapi pindaan harus ada. Contohnya Bab 4(3) yang mengatakan orang politik langsung tidak akan diguna pakai seksyen 4(3) ini dan ditangkap atas seksyen tersebut.

Jadi, kita tengok dari situ mengapa ada juga orang politik yang kena. Dia kena tangkap bukan sebab politikinya. Dia kena tangkap sebab kesalahannya.

■1610

Akan tetapi, oleh sebab apa? Persepsi dalam Jadual Pertama tersebut "Demokrasi Berparlimen". Jadi menyebabkan persepsi ini boleh menimbulkan masalah yang lebih besar pada masa hadapan, sayalah kata kita akan pinda. Bab dalam jadual itu akan kita pinda supaya tidak timbul lagi masalah ini lain kali. Hanya masalahnya kalau dia melakukan kesalahan, kita terpaksa ambil dia di bawah SOSMA. Akan tetapi bukan sebab dia ahli politik. Contohnya, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini melakukan kesalahan di bawah Jadual Pertama yang belum dipinda atau selepas dipinda nanti, terpaksa, kenalah seperti prosedur yang ada. Akan tetapi selepas dipinda nanti mungkin di situ ada kekhilafannya, maka di situ ada budi bicara yang akan diambil kira nanti.

Jadi semua Ahli Yang Berhormat kena faham, saya menyambut baik segala apa yang telah pun Ahli-ahli Yang Berhormat cadangkan. Contohnya, saya tengok satu persatu daripada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Ada yang boleh kita ambil kira supaya tengok semula kalau dibenarkan mereka melawat- saya di sinilah, dalam akta ini sebenarnya dia hanya bagi tahu kita maklumkan sahaja kepada waris- *guardian*, tetapi supaya hendak melawat ini ada juga yang dibenarkan, budi bicara. Akan tetapi kalau hendak penambahbaikan kita akan berikan penambahbaikan, supaya ada perubahan kita berikan di sini, sebagai contoh, satu.

Kedua, supaya kita maklumkan juga kepada semua mereka yang mengadu segala kesalahan, salah guna kalau ada, dimaklumkan semula kepada pengadu. *Insyallah* ini merupakan perkara-perkara yang saya rasa boleh diambil kira dalam mana kita hendak meminda akta ini nanti.

Ketiga tentang latihan, cadangan supaya Polis diberikan latihan yang mencukupi supaya siasatan yang dilakukan itu lebih baik, lebih efisien. Itu sesuatu yang saya hendak maklumkan. Sekarang ini pun, dengan izin, itu kita lakukan, *ongoing process* dengan kita berikan latihan, peralatan dan teknologi. Itu merupakan perkara-perkara yang telah pun kita lakukan mulai dari sekarang.

Kemudian, ada juga Yang Berhormat telah pun membangkitkan bahawa data-data yang ada menunjukkan bahawa tangkap banyak, yang dibicarakan hanya beberapa atau yang dihukum hanya beberapa peratus. Ada juga perkara-perkara yang data dalam kes itu tersebut masih dalam bicara. Akan tetapi yang telah dibicarakan mungkin sudah selesai. Jadi janganlah kita ambil rangkumkan semua. Kita kena tengok satu persatu daripada data yang telah pun kita bentangkan masa perjumpaan bersama dengan semua Ahli Yang Berhormat. Kemudian, tentang- ada yang minta supaya kalau boleh biarlah kita tukar dalam seksyen 30, dan juga seksyen 13 itu.

Saya hendak maklumkan, ini adalah perkara-perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris, kita akan cuba untuk pinda dalam Seksyen 30 dan juga seksyen 13 kerana maklum sahajalah, kadang-kadang mereka merasakan tertekan.

Jadi kalau boleh, kita akan tentukan kalau- kita tengok daripada segi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, *gravity of offences*, beratnya kesalahan itu. Kalau kesalahan itu rasanya amat berat, tidak boleh dijamin. Akan tetapi kalau boleh- Jadi kita akan berikan jadual-jadual.

Jadual Pertama itu kita akan pecah-pecahkan, yang ini boleh jamin, yang ini tidak boleh jamin, yang ini serahkanlah sama ada boleh atau tidak boleh. Itu semua akan kita lakukan satu persatu. Pindaannya, *insya-Allah* akan kita lakukan. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris berkata ada yang kena seksa, ada yang pula kena bayar rasuah, ada yang dipukul. Ini pun telah saya jawab tadilah. Seperti macam- ini persepsi-persepsi yang boleh menimbulkan lagi banyak masalah nanti.

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek ada mengatakan kita menafikan akses kepada peguam, tidak. Sebenarnya selepas 48 jam, ini betul, nasib baik. Selepas 48 jam, memang kita benarkan supaya peguam boleh dilantik. Ini merupakan keadilan yang telah kita berikan. Kemudian, ada juga yang memberikan cadangan. Tadi Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing mencadangkan supaya biarlah, apa salahnya kita tukar pindaan kita kira supaya tahan selepas tujuh hari supaya ada *intervention* melalui mahkamah, sama ada hendak teruskan dalam siasatan atau sebagainya.

Saya hendak maklumkan yang itu merupakan perkara-perkara yang saya kira oleh sebab kesalahan-kesalahan ini adalah amat berat. Biarlah kita kekalkan dahulu dalam tempoh 28 hari yang telah pun kita luluskan daripada dahulu lagi. Minta supaya akses peguam selepas tujuh hari. Biarlah selepas 48 jam, selepas dua hari lebih baik daripada tujuh hari. Lebih nampak keadilan kita berikan kecualilah kalau kita hendak buang seksyen 4(11) itu. Jadi maknanya kita buat sesuatu tidak payah lagi *Sunset Clause* itu, tidak payah bawa setiap lima tahun, itu boleh kita fikirkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai ini, ditanya kenapa lima tahun dan tidak satu tahun atau diubahsuaikan tengok- lima tahun kah, empat tahun kah, tiga. Buat masa ini lima tahun, *insya-Allah* dalam pindaan nanti kita tengok semula apa yang boleh kita pinda. Mengapakah tidak kita kurangkan? Macam saya sudah jelaskan tadi. Mengapa tidak kita kurangkan daripada 28 hari kepada 14 hari dan sebagainya. Ini merupakan perkara-perkara yang akan kita fikir semula mengikut jadual-jadual yang saya telah pun maklumkan tadi.

Apakah langkah awal untuk menangani jenayah terancam? Ada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan sepatutnya siasat dahulu, baru tangkap. Ini tangkap, baru siasat. Kalaulah Tanduo itu, kita siasat, siasat dia, tidak serang-serang. Kalaulah kita tahu dia hendak serang, tidak apa lah, kita pun tidak tahu dia hendak serang bila. Kita siasat, masih lagi juga siasat. Tidak jumpa bukti-bukti, siapa yang kita hendak tangkap. Fikirlah kita hendak siasat siapa? Ini sebab masalah-masalah yang ada ini, kesalahan-kesalahan ini, macam-macam jenis kesalahan yang ada. Ada yang kita sudah buat perancangan, sudah siasat dahulu dan ada juga kes yang tiba-tiba terjadi. Contoh saya hendak bagi maklum, minggu lepas. Kita tidak siasat pun, cuma kita hendak buat operasi di Kuala Sepetang, Perak. Kita masuk kawasan itu, tiba-tiba kita tangkap Pendatang Tanpa Izin (PATI)...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pendatang haram?... [Ketawa]

Datuk Seri Hamzah bin Zainudin: Dia lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang.

Datuk Seri Hamzah bin Zainudin: Kita tidak bagi izin, tetapi dia hendak datang nanti. Jadi, dia jadi haram. Apabila kita tangkap dia, tiba-tiba- sebenarnya kita tangkap sebab masalah Pendatang Asing Tanpa Izin. Tiba-tiba tangkap ada senjata, dia jadi lain. Itu sudah masuk bab SOSMA. Jadi masa bila kita hendak siasat, hendak tangkap? Kita sudah tangkap dia. Inilah cerita-cerita, memang senang, mudah untuk kita beritahu bahawa siasat dahulu, baru tangkap. Akan tetapi sebenarnya ada sebab-sebab, kadang-kadang tangkap, baru siasat.

Kemudian, isu pelaksanaan yang lebih penting. Ini Dato' Nelson kata, "Ini sebenarnya masalah pelaksanaan. Saya sebagai kaum India ini..." Bukan- maklum sahajalah, sebagai seorang pemimpin kaum India, banyak masalah ini.

■1620

Kadang-kadang persepsi mengatakan kaum India sahaja yang kena pukul. Macam inilah. Ini bab bukan SOSMA. Bab orang kena tangkap bawa ke lokap. Saya sudah buat beberapa perkara penambahbaikan yang kita buat. Contoh, pertama, kita sudah minta dan lulus pun dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini untuk pasang semua lokap dengan CCTV. Selesai satu bab. Cuma belum lagi buat. Sudah setuju.

Kedua, dahulu-dahulu apabila kita tangkap orang kena tuduh ini dan kita bawa dia ke lokap, tunggu pegawai kesihatan untuk datang buat pemeriksaan kesihatan. Ini sebelum ini. Kemudian, kita fikir ini kadang-kadang sampai dua hari, kadang-kadang hari yang ketiga barulah pegawai kesihatan itu datang kerana maklum sahajalah, pegawai kesihatan banyak tempat, banyak kerja yang harus dilakukan.

Jadi, untuk memudahkan Polis dan mempercepatkan supaya tidak timbul masalah ini, Yang Berhormat Senator Dato' Nelson, kita minta supaya kerajaan memberi ruang benarkan Polis ada panel pusat kesihatan, *private practices* untuk mereka ini diberikan peluang. Saya boleh jemput mereka datang periksa atau Polis boleh jemput mereka untuk datang periksa dalam masa 24 jam. Lebih baik.

Jadi, tidak timbul lagi masalah orang ini masuk kena pukul, mati. Kalau saya tahulah dia hendak masuk hendak mati, saya beritahu dengan Anggota Polis, "*Jangan, dia hendak mati dah besok.*" Jadi, sebab kita tidak tahu, lebih baik kita berikan ruang supaya sebelum bawa masuk lokap, *check* dahulu kesihatan dia dan sebagainya.

Yang Berhormat, jadi itu telah pun kita ambil kira dan ada penambahbaikan dan, *insya-Allah*, perkara-perkara yang seperti ini, kita lakukan untuk masa depan yang lebih baik supaya tidak timbul lagi persepsi bahawa masuk lokap ini tentu kena pukul dan tentu mati. Tidak timbul.

Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Aklan kata biarlah ada keadilan yang ditunjukkan semasa pelaksanaannya. *Insya-Allah*, seperti yang saya katakan tadi, bukan hanya bab Akta SOSMA, malah semua perkara, prosedur yang telah pun sedia ada dalam Polis ini kita sedang mengkaji dan memberikan penambahbaikan daripada semasa ke semasa, *insya-Allah*.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa apabila mengatakan- tadi Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas mengatakan pegawai Polis ini kita kena tengok semula terutamanya tentang salah laku dalam siasatan. Ya lah, seperti yang saya katakan tadi, mereka yang kena tahan ini, apabila ada peguam mereka selepas 48 jam, boleh laporkan kalau Polis melakukan salah laku. Kemudian, kita, *insya-Allah*, melalui IPCC yang telah pun diluluskan semalam di Dewan Rakyat akan saya bawa di sini semula, *insya-Allah*, pada sesi yang akan datang. Bilakah ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pada 8 hari bulan.

Datuk Seri Hamzah bin Zainudin: Pada 8 hari bulan ini, *insya-Allah*. Dalam beberapa hari dalam sesi itu akan kita bentang semula di sini. Itu merupakan satu akta untuk memastikan semua tatalaku Polis akan kita bawa dan kita pastikan ikut segala prosedur yang ada di situ. Dan juga CCTV, pemeriksaan pegawai kesihatan telah pun saya lakukan. Jadi, tidak timbullah yang dikatakan ada kezaliman terhadap SOSMA itu. Itu hanya persepsi.

Insya-Allah, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang telah pun Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan, saya yakin semata-mata kerana sayang negara kita. Sama ada setuju ataupun tidak setuju, biarlah kita tanamkan semangat bahawa yang penting dalam negara ini, kalau pun kita hendak melihat kemajuan negara ini daripada semasa ke semasa lebih maju, biarlah kita berikan keutamaan terhadap keselamatan terjaga dalam negara kita.

Itu jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atas gulungan dan jawapan beliau.

Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Kegembiraan terdaftar di muka wajah masing-masing. Oleh itu, apa yang telah disebutkan dan didefinisikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pun turut gembira lantaran standard perbahasan makin lama makin tinggi. Lebih ramai yang tidak menggunakan ucapan secara baca dan Yang Berhormat Menteri telah memberi lingkup jawatan beliau dan juga lingkup pemikiran beliau untuk kita.

Akhir waktu Majlis Mesyuarat sampai, dan kita bersua lagi pada Majlis yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga satu tarikh yang tidak ditetapkan... *[Tepuk]*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.26 petang]